



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENGESAHAN PENYATA
KEWANGAN BADAN
BERKANUN PERSEKUTUAN,
KUMPULAN WANG
PERSEKUTUAN, AKAUN
AMANAH DAN AGENSI
LAIN



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN,
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN,
AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN**

Jabatan Audit Negara Malaysia


The background features a large, stylized red triangle at the top right, composed of numerous small red triangles. Below it is a grey triangle, also made of smaller grey triangles. To the left of these is a white triangle, which is further divided into smaller white triangles. The overall effect is a modern, geometric design.

KANDUNGAN



KANDUNGAN

PERIHAL	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	ix
PENGENALAN	xiii
INTISARI LAPORAN	xvii
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN, AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN BAGI TAHUN 2016	
1. Pendahuluan	3
2. Penyerahan Penyata Kewangan	3
3. Pemakaian Piawaian Perakaunan	6
4. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	7
5. Pembentangan Penyata Kewangan di Parlimen	17
6. Analisis Prestasi Kewangan	18
RUMUSAN DAN SYOR AUDIT	87
PENUTUP	93
LAMPIRAN A Senarai Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain	97



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan/Agenzi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2 Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3 Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4 Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya ini adalah mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun berakhir 2016.

3. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera Penyata Kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah di selenggara dengan teratur dan kemas kini.

4. Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2016 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, Penilaian Risiko dan Bukti Audit, Komunikasi dengan Pihak Pengurusan dan Tadbir Urus, pensampelan dan penyediaan Laporan Ketua Audit Negara.

5. Setakat 1 Januari 2016, piawaian perakaunan yang diluluskan untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standard* (FRS)/ *Malaysian Financial Reporting Standard* (MFRS), *Malaysian Private Entity Reporting Standard* (MPERS) dan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS).

6. Pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2017 terhadap 145 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun kewangan 2016 mendapati 126 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 12 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*, empat (4) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan dan dua (2) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 September 2017 kerana kelewatan mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

13 Oktober 2017

The background features a large, stylized red triangle at the top right, composed of many smaller red triangles. Below it is a grey triangle. To the left, there's a white triangle pointing towards the center. The overall design is minimalist and modern.


PENGENALAN



1. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) Badan Berkanun adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun merupakan badan korporat atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang diperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, sebuah Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh meminjam, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, mengurus kumpulan wang dan akaun amanah serta melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala yang lain membiayai operasinya daripada sumber dana sendiri.
3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan pekeliling Kerajaan sekiranya polisi serta peraturan kewangan diwujudkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan atas akruan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu (1) Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir pada 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh enam (6) bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada

Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga akhir tahun 2016, 135 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga mengaudit 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah manakala dua (2) agensi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).



INTISARI LAPORAN



1.1 Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 145 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2016 untuk Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah dan agensi lain. Daripada jumlah tersebut, 133 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah tidak termaktub di bawah Akta 240 serta dua (2) agensi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

1.2 Setakat 15 September 2017, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara terhadap 143 daripada 145 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2016. Dua (2) penyata kewangan bagi tahun kewangan 2016 iaitu Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Ahli Geologi Malaysia belum dapat disahkan kerana kelewatan mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap.

1.3 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 28 daripada 145 penyata kewangan tahun 2016 manakala baki 117 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.4 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah pada tahun 2016:

- Pendapatan 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM109.232 bilion iaitu meningkat sejumlah RM7.063 bilion atau 6.9% berbanding RM102.169 bilion pada tahun 2015. Pendapatan sembilan (9) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM1.153 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.839 bilion atau 42.1% berbanding RM1.992 bilion pada tahun 2015.
- Geran mengurus yang diterima oleh 80 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 21 kementerian adalah berjumlah RM13.536 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.604 bilion atau 4.3% berbanding RM14.140 bilion pada tahun 2015.

- Sebanyak 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian mencatatkan baki lebih pendapatan berjumlah RM46.413 bilion berbanding RM42.386 bilion pada tahun 2015. Lebih/(kurangan) pendapatan 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM330.47 juta iaitu penurunan sejumlah RM4.30 juta berbanding RM334.77 juta pada tahun 2015.
- Sebanyak 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian mencatatkan baki Lebih/(Kurangan) Terkumpul berjumlah RM129.419 bilion berbanding RM128.909 bilion pada tahun 2015. Lebih/(Kurangan) terkumpul ini merupakan baki Kumpulan Wang Mengurus. Lebih Terkumpul 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM7.907 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.977 bilion atau 14.1% berbanding RM6.930 bilion pada tahun 2015.
- Aset 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM1,742.159 bilion mencatatkan peningkatan sejumlah RM129.307 bilion atau 8% berbanding RM1,612.852 bilion pada tahun 2015. Aset bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM20.889 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.159 bilion atau 5.9% berbanding RM19.730 bilion pada tahun 2015.
- Pelaburan bagi 79 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 18 kementerian adalah berjumlah RM453.219 bilion atau 26.8% daripada jumlah keseluruhan aset iaitu meningkat sejumlah RM16.817 bilion atau 3.9% berbanding RM436.402 bilion pada tahun 2015. Hanya empat (4) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah yang mempunyai pelaburan berjumlah RM14.139 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.972 bilion atau 16.2% berbanding RM12.167 bilion pada tahun 2015.
- Jumlah tunai dan kesetaraan tunai bagi 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM70.654 bilion atau 4% daripada jumlah keseluruhan aset iaitu meningkat sejumlah RM7.924 bilion atau 12.6% berbanding RM62.730 bilion pada tahun 2015. Jumlah tunai dan kesetaraan tunai bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM3.384 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.782 bilion atau 18.8% berbanding RM4.166 bilion pada tahun 2015.
- Liabiliti bagi 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 Kementerian telah mengalami peningkatan sejumlah RM5.505 bilion atau 4% daripada RM138.509 bilion pada tahun 2015 kepada RM144.014 bilion pada tahun

INTISARI LAPORAN

2016. Liabiliti bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM1.044 bilion iaitu menurun sejumlah RM8.43 juta atau 0.8% berbanding RM1.053 bilion pada tahun 2015.

- Baki pinjaman bagi 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 13 kementerian adalah berjumlah RM54.289 bilion iaitu meningkat sejumlah RM6.109 bilion atau 12.7% berbanding RM48.180 bilion pada tahun 2015.
- Sebanyak 24 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM760.98 juta iaitu meningkat sejumlah RM149.68 juta atau 24.5% berbanding RM611.30 juta pada tahun 2015.
- Sebanyak 66 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran pembangunan berjumlah RM9.462 bilion iaitu meningkat sejumlah 6.7% atau RM0.590 bilion berbanding tahun 2015 berjumlah RM8.872 bilion.



PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN,
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN,
AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN
BAGI TAHUN 2016

1. PENDAHULUAN

1.1 Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 145 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2016 untuk Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain. Daripada jumlah tersebut, 133 merupakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah tidak termaktub di bawah Akta 240 serta dua (2) agensi lain yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

1.2 Setakat 15 September 2017, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara terhadap 143 daripada 145 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2016. Sebanyak dua (2) penyata kewangan bagi tahun kewangan 2016 iaitu Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Ahli Geologi Malaysia belum dapat disahkan kerana kelewatan mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang tidak lengkap.

1.3 Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 28 daripada 145 penyata kewangan tahun 2016 manakala baki 117 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.4 Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2016 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) bagi memastikan pengauditan dilaksanakan dengan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, Penilaian Risiko dan Bukti Audit, Komunikasi dengan Pihak Pengurusan dan Tadbir Urus, pensampelan dan penyediaan Laporan Ketua Audit Negara.

2. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh enam (6) bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Kementerian

Kewangan juga telah mengeluarkan 1Pekeliling Perbendaharaan PA3.1 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan penyata kewangan yang diaudit pada tahun yang sama.

2.2 Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan hendaklah disahkan dalam tempoh empat (4) bulan selepas tarikh penerimaannya. Sebanyak 139 Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2016 sebelum 30 April 2017, lima (5) Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2017 tetapi sebelum 30 Jun 2017 dan satu (1) Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2017. Kelewatan mengemukakan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan iaitu selepas 30 Jun 2017, perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Badan Berkanun Persekutuan yang mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2016 selepas 30 April 2017 adalah seperti **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGEWUKAKAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN 2016 SELEPAS 30 APRIL 2017

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TARIKH MENGEWUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS 30 APRIL 2017 (Hari)	CATATAN
1.	Lembaga Ahli Geologi (BoG)	07.09.2017	109	BoG menghadapi kekurangan sumber tenaga manusia dan kekangan masa dalam menyediakan Penyata Kewangan. Surat permohonan Lanjutan Penghantaran Penyata Kewangan selepas 30 Jun 2017 telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 21 Ogos 2017 untuk kelulusan.
2.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional	08.06.2017	42	Sistem kewangan tidak memberikan maklumat yang benar dan tepat, laporan pendapatan tidak dapat dijana dan berlaku pertindihan transaksi di dalam lejar am. Permasalahan ini menyebabkan pelarasan akhir tahun tidak dapat dibuat kerana baki akaun yang berubah-ubah.
3.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang	24.05.2017	24	Akauntan yang dilantik menghadapi masalah untuk menyediakan Penyata Kewangan.
4.	Lembaga Jurutera Malaysia	18.05.2017	18	Penyata Kewangan yang dikemukakan pada 29 April 2017 adalah tidak lengkap.
5.	Agensi Inovasi Malaysia (AIM)	18.05.2017	18	Penyata Kewangan belum diluluskan oleh Majlis Tadbir Urus AIM.
6.	Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah	02.05.2017	2	Penyata Kewangan dalam versi Bahasa Malaysia telah diterima pada bulan Mei 2017.

Sumber: Surat Permohonan dan Kelulusan Pelanjutan Masa

2.3 Perbendaharaan Malaysia melalui Bahagian Undang-undang telah memberi pandangan mengenai takrifan Badan Berkanun berdasarkan Seksyen 2, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) dan Seksyen 2, Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 (Akta 598) iaitu

Badan Berkanun tidak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (*Local Authority*).

Badan Berkanun boleh dikatakan mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Ditubuhkan di bawah Akta Parlimen;
- ii. Ditubuhkan sebagai badan korporat yang kekal turun temurun (*perpetual succession*);
- iii. Mempunyai meterai perbadanan sendiri;
- iv. Boleh membawa atau dikenakan guaman/tindakan undang-undang atas namanya sendiri; dan
- v. Boleh memasuki kontrak dan memiliki harta atas namanya sendiri.

2.4 Pada tahun 2016, 10 agensi tambahan yang memenuhi kriteria adalah tertakluk kepada pengauditan Jabatan Audit Negara. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.2.**

JADUAL 2.2
AGENSI TAMBAHAN DIKENALPASTI UNTUK PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016
OLEH JABATAN AUDIT NEGARA

BIL	AGENSI	AKTA TUBUH	TAHUN OPERASI	CATATAN
1.	Kumpulan Wang Warisan	Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) *tertakluk kepada Akta 240	10 Jun 2007	Surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 17 Ogos 2016 menyatakan agensi perlu dilaporkan mengikut Akta 240 mulai 2016. Penyata Kewangan tahun 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
2.	Lembaga Ahli Geologi	Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689)	9 Disember 2014	JAN dimaklumkan mengenai status agensi sebagai BBP pada 15 Mei 2017. Penyata Kewangan tahun 2015 dan 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
3.	Lembaga Arkitek Malaysia	Akta Arkitek 1967 (Akta 117)	1968	Surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 20 Mei 2016 menyatakan agensi perlu dilaporkan mengikut Akta 240 mulai 2016. Penyata Kewangan tahun 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
4.	Lembaga Jurutera Malaysia	Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138) (Pindaan 2015)	1968	Surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 20 Mei 2016 menyatakan agensi perlu dilaporkan mengikut Akta 240 mulai 2016. Penyata Kewangan tahun 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
5.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia	Akta Juruukur Bahan 1967 (Akta 487) (Pindaan 2002)	6 Februari 1982	Surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 20 Mei 2016 menyatakan agensi perlu dilaporkan mengikut Akta 240 mulai 2016. Penyata Kewangan tahun 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
6.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 (Akta 767)	4 Jun 2015	Agensi baru ditubuhkan. Penyata Kewangan tahun 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
7.	Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah	Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242)	6 Februari 1981	Merujuk surat Bahagian Undang-Undang Perbendaharaan Malaysia bertarikh 10 Mac 2015, agensi tertakluk kepada Akta 240. Penyata Kewangan tahun 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.
8.	Majlis Perubatan Malaysia	Akta Perubatan 1971 (Akta 50)	1 Julai 2017	Merujuk surat Bahagian Undang-Undang Perbendaharaan Malaysia bertarikh 10 Mac 2015, agensi tertakluk kepada Akta 240. Penyata Kewangan akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi tahun berakhir 2018.
9.	<i>Malaysia Board of Technologists</i>	<i>Technologists and Technicians Act 2015 (Act 768)</i>	November 2016	Agensi baru ditubuhkan. Penyata Kewangan akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi tahun berakhir 2017.
10.	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia	Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771)	1 Mac 2016	Agensi baru ditubuhkan. Penyata Kewangan tahun 2016 diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

Sumber: Akta Tubuh Agensi

3. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

3.1 *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah 1Pekeliling Perbendaharaan Pelaburan Strategik PA 3.1. Setakat 1 Januari 2016, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standard* (FRS)/ *Malaysian Financial Reporting Standard* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standard* (MPERS).

3.2 Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses urus tadbir seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

3.3 Kementerian Kewangan pada bulan September 2016 telah mencadangkan pemakaian *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) diperluaskan kepada semua Badan Berkanun Persekutuan (BBP) sebagai rangka kerja pelaporan kewangan masing-masing mulai tahun 2020. Bagaimanapun, pemakaian MPSAS ini tidak meliputi BBP yang pelaporan kewangannya tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

3.4 Kementerian Kewangan juga pada bulan Disember 2016 telah memutuskan supaya BBP menerima pakai piawaian perakaunan yang diterbitkan oleh MASB atau JANM sebagai rangka kerja pelaporan penyata kewangan bagi tahun 2016 dan seterusnya. Bagaimanapun, pemakaian awal MPSAS mulai tahun 2016 oleh mana-mana BBP perlu mendapat kelulusan daripada JANM. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun kewangan 2016 adalah seperti **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN/AKAUN AMANAH DAN
AGENSI LAIN BAGI TAHUN KEWANGAN 2016

BIL	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards</i> (MPERS)	78
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards</i> (MFRS)/ <i>Financial Reporting Standards</i> (FRS)	22
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards</i> (MPSAS)	45
JUMLAH		145

Sumber : Penyata Kewangan Agensi

4. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

4.1 Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) pada tahun 2014. Pada bulan November 2016, *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) telah mengeluarkan *Recommended Practice Guide 11 (Revised 2016), Auditors' Report on Financial Statements Prepared in Accordance with the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) Framework* dan *Recommended Practice Guide 12, Auditors' Report on Financial Statements Prepared in Accordance with Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)*. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan telah dipinda mengikut kesesuaian dan keperluan *Recommended Practice Guide 11 (Revised 2016)* dan *Recommended Practice Guide 12*.

4.2 Piawaian pengauditan yang diluluskan menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

4.2.1 Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

4.2.2 Pendapat Bolehubah

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila Juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

a. Perkara yang Tidak Menjeaskan Pendapat Juruaudit

i. Perenggan *Emphasis of Matters*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

ii. Perenggan Perkara Iain

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

b. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

i. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat, tetapi juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenalpasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

ii. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

iii. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan tidak dapat diberi. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

4.3 Pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2017 terhadap 145 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun kewangan 2016 mendapati sebanyak 126 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 12 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matters*, empat (4) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan dan dua (2) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 September 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Lampiran A**.

4.4 Selain itu, tiga (3) Penyata Kewangan tahun 2015 yang tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2015 kerana lewat dikemukakan, telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara pada bulan September dan Oktober 2016. Badan Berkanun Persekutuan tersebut, iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah masing-masing telah diberi Pendapat Bertentangan, Pendapat Berteguran dan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis Of Matters*. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun 2013 sehingga 2016 adalah seperti **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1

KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN/AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 SEHINGGA 2016

BIL	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2013	2014	2015	2016
1.	Pendapat Tanpa Teguran	121	126	121	126
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matters</i>	11	7	12	12
3.	Pendapat Berteguran	6	5	6	4
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	2	1
5.	Penafian Pendapat	-	1	-	-
JUMLAH		138	139	141	143*

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2013 - 2016

Nota: *Penyata Kewangan Tahun 2016 bagi Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Ahli Geologi Malaysia belum diperakurakan oleh Ketua Audit Negara

4.5 Bagi tahun kewangan 2016, 114 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 10 penyata kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah serta dua (2) agensi lain telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran.

4.6 Sebanyak 12 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matters* adalah seperti **Jadual 4.2**.

JADUAL 4.2**PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTERS* BAGI TAHUN KEWANGAN 2016**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTERS</i>
1.	Lembaga Jurukur Tanah	<p>Pinjaman Tanpa Faedah</p> <p>Pinjaman Tanpa Faedah telah diberikan kepada pihak ketiga iaitu Geospatial Sciences and Geomatics Education Group Sdn. Bhd. pada 2 April 2015 bagi tempoh 87 bulan. Akta tubuhnya iaitu Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991) tidak menyatakan kuasa memberi pinjaman kepada mana-mana pihak. Pinjaman tanpa faedah ini telah diluluskan oleh Lembaga pada 26 Januari 2015.</p> <p>Pelaburan</p> <p>Lembaga Jurukur Tanah telah membuat pelaburan dalam institusi kewangan yang tidak tersenarai dalam Institusi-Institusi Kewangan Yang Diluluskan Menerima Deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan oleh Kementerian Kewangan. Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Semakan 1991) tidak menyatakan kuasa Lembaga membuat pelaburan. Merujuk Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Ketua Eksekutif bertanggungjawab memastikan lebihan wang yang belum diperlukan untuk kegunaan jangka pendek disimpan dalam institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan.</p>
2.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	<p>Penyata Kewangan Subsidiari</p> <p>Penyata Kewangan Subsidiari LKIM iaitu Majuikan Sdn. Berhad telah mendapat Laporan Penafian Pendapat kerana akaun pinjaman jangka panjang berjumlah RM586,148 hanya mempunyai lejar semata-mata. Selain itu, baki pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan syarikat berkaitan oleh Majuikan Sdn. Berhad berjumlah RM9,898,038 tidak dapat disahkan jumlah sebenar kerana terdapat perbezaan jumlah yang dilaporkan dalam laporan Audit bagi setiap syarikat subsidiari dengan syarikat induk.</p>
3.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	<p>Prestasi Kewangan dan Pengurusan Aliran Tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> i. FELDA dan Kumpulan mengalami kerugian bersih masing-masing berjumlah RM251.24 juta (2015: RM884.62 juta) dan RM728.69 juta (2015: RM1.13 bilion). Ini merupakan tahun keempat kerugian direkodkan semenjak tahun 2013. Aliran tunai aktiviti operasi FELDA dan Kumpulan juga mengalami defisit masing-masing berjumlah RM1.39 bilion (2015: RM1.37 bilion) dan RM642.39 juta (2015: RM959.41 juta). ii. FELDA dan Kumpulan juga mempunyai pinjaman daripada institusi luar masing-masing berjumlah RM6.82 bilion (2015: RM6.17 bilion) dan RM9.08 bilion (2015: RM8.38 bilion). Kebolehupayaan FELDA memenuhi obligasi kewangannya di masa hadapan bergantung kepada keupayaan FELDA dan Kumpulan untuk terus meningkatkan prestasi kewangan dan menjana aliran tunai dari aktiviti operasinya.
4.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPKelang)	<p>Usaha Berterusan</p> <p>Kedudukan aset semasa LPKelang bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berjumlah RM594.23 juta (2015: RM620.64 juta) manakala keuntungan bersih pada tahun kewangan 2016 ialah RM31.48 juta (2015: kerugian bersih RM24.62 juta). Liabiliti jangka panjang LPKelang sehingga 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM3.87 bilion. Berdasarkan kepada prestasi kewangan semasa, keupayaan LPKelang untuk menjelaskan liabiliti jangka panjang adalah bergantung kepada sokongan kewangan daripada Kerajaan.</p>
5.	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)	<p>Pemberian Dan Bantuan Lain</p> <p>LPSVN telah memberi suntikan dana berjumlah RM400,000 kepada Kelab Kebajikan Sukan dan Rekreasi (SUREA) dan merekodkan sebagai perbelanjaan. Oleh sebab tiada dokumen sokongan berkaitan perbelanjaan tersebut, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada suntikan dana tersebut harus direkodkan sebagai perbelanjaan tahun semasa atau pendahuluan.</p> <p>Projek Konservasi Catan ‘Bas Relief’</p> <p>LPSVN telah merekodkan RM75,407.30 sebagai perbelanjaan projek konservasi catan “Bas Relief” dan tiada pendapatan yang direkodkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016.</p>

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTERS</i>
6.	Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	<ul style="list-style-type: none"> i. LPPSA telah memilih untuk menerima pakai peruntukan peralihan selama tiga (3) tahun bagi tiga (3) aspek pengiktirafan dan pengukuran termasuk pembiayaan perumahan dan pendapatan operasi yang merupakan aktiviti utama LPPSA. Pelepasan di bawah peruntukan peralihan tersebut memberi kesan kepada pembentangan yang saksama bagi angka pembiayaan perumahan tetapi dibenarkan di bawah perenggan 36 dan perenggan 38, MPSAS 33 - <i>First-time Adoption of Accrual Basis</i>. ii. LPPSA telah mendedahkan ketidakpastian anggaran pembiayaan perumahan berikutan pelaksanaan proses pemurnian data yang dijangka akan hanya selesai pada tahun 2018. Selaras dengan perenggan 140, MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan, pendedahan dalam nota hendaklah dilakukan apabila ketidakpastian anggaran mempunyai risiko yang signifikan dan menyebabkan pelarasan material dalam tahun kewangan akan datang. LPPSA perlu memastikan proses pemurnian data dapat diselesaikan sebelum tempoh pelepasan peralihan tiga (3) tahun yang dibenarkan di bawah MPSAS 33 berakhir, iaitu pada tahun 2018.
7.	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM)	<p>Usaha Berterusan</p> <p>Kumpulan Wang Pengurusan menunjukkan baki negatif berjumlah RM119.45 juta. Kedudukan aset semasa Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia pada tarikh tersebut adalah berjumlah RM69.36 juta manakala liabiliti semasa adalah berjumlah RM167.90 juta. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, kurangan bersih selepas cukai adalah berjumlah RM56.67 juta. Berdasarkan kepada prestasi kewangan semasa, keupayaan LPPM untuk menjelaskan liabiliti semasa adalah bergantung kepada sokongan kewangan daripada kerajaan.</p>
8.	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	<p>Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan</p> <p>Termasuk di akaun Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan berjumlah RM15.75 bilion pada 31 Disember 2016 adalah projek pembinaan yang dilaksanakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) berjumlah RM15.72 bilion. Daripada jumlah tersebut, 6 projek berjumlah RM94.53 juta tidak dapat dikenal pasti kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan sebagai bukti kerja-kerja telah dilaksanakan dan bagi tujuan perekodan. Selain itu, terdapat baki Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan bagi 16 projek keretapi yang bernilai negatif RM56.93 juta yang belum dibuat pelarasan kerana ketidaan dokumen sokongan.</p>
9.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia	<p>Pinjaman</p> <p>Analisis Audit terhadap Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 menunjukkan pembayaran dividen sejumlah RM20,000,000 dibiayai melalui Pinjaman di mana baki tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan terdiri daripada fasiliti Overdraft.</p>
10.	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)	<p>Usaha Berterusan</p> <p>Kedudukan semasa baki pengutang pinjaman PTPK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berjumlah RM2,410 juta (2015: RM2,075 juta). Daripada jumlah tersebut sejumlah RM687 juta atau 32% adalah tunggakan sejak tahun 2009 dan tahun sebelumnya. Sehingga 31 Disember 2016, PTPK telah membuat peruntukan hutang rugu berjumlah RM84.11 juta yang mana peruntukan hutang rugu pada tahun 2015 adalah berjumlah RM70.43 juta.</p>
11.	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	<p>Usaha Berterusan</p> <p>Penyata kewangan syarikat subsidiari Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah iaitu RISDA Semaian dan Lanskap Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 telah disediakan berdasarkan kepada andaian usaha berterusan walaupun syarikat melaporkan defisit bagi dana pemegang saham berjumlah RM37.79 juta (Tahun 2015: RM49.23 juta). Pengesahan andaian ini bergantung pada keuntungan yang akan dijana pada masa hadapan dan/atau suntikan modal tambahan daripada pemegang saham syarikat.</p>

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTERS</i>
	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)*	<p>Penyata Kewangan Subsidiari</p> <p>i. RISDA Semaian & Lanskap Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat subsidiari RISDA telah melaporkan hapus kira inventori anak benih pokok getah sejumlah RM19,114,464 dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. Syarikat juga telah membuat pelarasan tahun lepas sejumlah RM47,235,578 bagi hapus kira nilai inventori dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Keseluruhan nilai inventori berjumlah RM66,350,042 dihapus kira kerana kesilapan perekodan belanja penyenggaraan anak benih yang telah dipermodalkan sebagai inventori sejak tahun 2012. Hapus kira ini telah diluluskan melalui mesyuarat khas Lembaga Pengarah syarikat pada 21 April 2016.</p> <p>ii. Termasuk dalam Simpanan Tetap pada 31 Disember 2015 di Nota 19 Kepada Penyata Kewangan adalah dana insurans berkaitan pelaburan sejumlah RM60,943,700 yang diuruskan oleh Permodalan RISDA Berhad (PRB) bagi pihak RISDA. Pelaburan berbentuk dana insurans tersebut tidak dibenarkan menurut Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penamaan Semula) 1952, Perjanjian Pengurusan di antara RISDA dan PRB serta Polisi Dan Garis Panduan Pelaburan PRB. Pelaburan ini tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan PRB atau Lembaga Pengarah PRB dan tidak dibentangkan kepada Pihak Berkuasa RISDA untuk kelulusan.</p>
12.	Universiti Malaya (UM)	<p>Peningkatan Defisit Kumpulan Wang Penyelidikan</p> <p>Kumpulan Wang Penyelidikan menunjukkan baki defisit berjumlah RM92,753,265 (2015: RM19,897,635) di mana defisit Kumpulan Wang Penyelidikan ini telah meningkat sebanyak 366% berbanding tahun sebelumnya.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

*Penyata Kewangan 2015 yang tidak dilaporkan dalam LKAN Siri 2 Tahun 2015

4.7 Bagi tahun kewangan 2016, empat (4) penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah diberikan Pendapat Berteguran adalah seperti **Jadual 4.3.**

JADUAL 4.3
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN
PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	<p>Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan</p> <p>Ketidaaan dokumen sokongan yang lengkap bagi bayaran Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan berjumlah RM5 juta yang dibayar kepada syarikat subsidiari KEJORA iaitu KEJORA Development Holdings Sdn. Bhd.</p> <p>Deposit Diterima (Liabiliti Semasa)</p> <p>Termasuk dalam Deposit Diterima adalah bayaran akhir jualan rumah, lot industri dan lot tanah berjumlah RM3.93 juta yang belum dilaraskan ke akaun hasil atau penghutang. Ketidaaan dokumen sokongan yang lengkap bagi Deposit Diterima bernilai RM3.08 juta dan terdapat perbezaan berjumlah RM820,624 antara senarai deposit (pemiutang) dengan dokumen sokongan.</p> <p>Keuntungan Jualan Rumah</p> <p>Jualan rumah pangsa pada tahun 2015 yang dianggarkan berjumlah RM900,000 belum dilaraskan ke akaun pendapatan.</p> <p>Pelbagai Penghutang dan Pelbagai Pemiutang</p> <p>Kelulusan Lembaga Pengarah KEJORA tidak diperoleh bagi hapus kira Pemiutang Pelbagai Belum Kenal Pasti berjumlah RM2.43 juta, Pemiutang Perniagaan Belum Kenal Pasti berjumlah RM1.56 juta, Pendahuluan Diri Kaitangan berjumlah RM1.24 juta, Penghutang berjumlah RM410,453, Penghutang Sewa Tanah Tidak Kenal Pasti berjumlah RM202,890 dan</p>

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)*	<p>Pelbagai Penghutang Belum Kenal Pasti berjumlah RM26,591.</p> <p>Ketidakpatuhan kepada Piawaian Perakaunan Asas Akruan bagi Pendapatan Sewaan</p> <p>KEJORA merekod dan mengiktiraf pendapatan sewaan secara tunai. Amalan ini bertentangan piawaian MPERS yang menetapkan pengiktirafan hasil adalah secara akruan.</p>
		<p>Kerja Dalam Pelaksanaan</p> <p>Termasuk Dalam Kerja Dalam Pelaksanaan berjumlah RM118.37 juta di Nota 7 Kepada Penyata Kewangan adalah projek pembinaan yang telah siap berjumlah RM40.41 juta yang tidak dipindahkan kepada Hartanah, Loji dan Peralatan, Inventori serta tidak dilunaskan sebagai belanja. Ini menyebabkan Kerja Dalam Pelaksanaan terlebih nyata sejumlah RM40.41 juta, Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata sejumlah RM3.12 juta dan Inventori terkurang nyata sejumlah RM8.78 juta. Belanja yang tidak dilunaskan berjumlah RM28.51 juta dan susut nilai yang tidak diambil kira berjumlah RM62,440 menyebabkan keuntungan tahun semasa terlebih nyata berjumlah RM28.57 juta.</p> <p>Inventori</p> <p>Termasuk dalam Inventori berjumlah RM3.32 juta adalah inventori rumah tidak terjual yang disewakan sejumlah RM2 juta. Aset tersebut belum dipindahkan kepada Hartanah, Loji dan Peralatan. Selain itu, sebanyak 49 unit inventori berjumlah RM1.33 juta yang telah dijual masih dinyatakan sebagai inventori dan belum diselaraskan kepada hasil.</p> <p>Kumpulan Wang Amanah Kementerian</p> <p>Termasuk dalam Kumpulan Wang Amanah Kementerian berjumlah RM38.96 juta adalah terimaan tahun semasa berjumlah RM20.87 juta dan wujud perbezaan berjumlah RM3.73 berbanding senarai terperinci berjumlah RM17.14 juta. Tiada penyesuaian dibuat terhadap perbezaan tersebut.</p> <p>Deposit Diterima</p> <p>Termasuk dalam Deposit Diterima berjumlah RM17.88 juta adalah deposit tanah dan lot industri yang telah selesai dan belum diselaraskan kepada hasil berjumlah RM7.87 juta. Ini menyebabkan deposit diterima terlebih nyata dan hasil terkurang berjumlah RM7.87 juta.</p> <p>Penyatuan Penyata Kewangan</p> <p>Penyata kewangan KEJORA dan Kumpulan disediakan berdasarkan penyata kewangan syarikat subsidiari yang belum diaudit. Terdapat perbezaan yang material melibatkan Keuntungan Selepas Cukai KEJORA Development Holding Sdn. Bhd. sejumlah RM9.18 juta yang belum dibuat pelarasian iaitu keuntungan selepas cukai (Belum Diaudit) yang diambil kira dalam penyata kewangan berjumlah RM9.68 juta berbanding selepas diaudit berjumlah RM0.50 juta.</p>
2.	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	<p>KETENGAH telah melaporkan Pendapatan Perumahan berjumlah RM4,481,861 yang terdiri daripada hasil sewa dan faedah sewa beli pada 31 Disember 2016. Bagaimanapun, sejumlah RM2,158,541 merupakan pelarasian yang tidak dapat dikenal pasti atau disahkan di mana berkemungkinan memberi kesan yang material ke atas penyata.</p>
3.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (WAKAF HINDU)	<p>Terimaan Wang</p> <p>WAKAF HINDU tidak menerima resit rasmi daripada tukang emas bagi pencairan barang-barang kemas 916 seberat 282.86 gram kepada sekeping gold bar 999 seberat 278.68 gram untuk pembinaan <i>Golden Chariot</i>. Selain itu, penjualan barang-barang perak seberat 6,502 gram berjumlah RM25,665 tidak mempunyai resit rasmi daripada pembeli.</p> <p>Baki wang kutipan perayaan pada 31 Disember 2016 yang berjumlah RM64,356.88 telah lewat dibankkan ke Akaun Lembaga pada bulan Januari dan bulan April 2017.</p>

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
	Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN)	<p>Perbelanjaan bagi Program Pembangunan Bola Sepak Negara</p> <p>Ketepatan perbelanjaan di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) tidak dapat disahkan disebabkan oleh jenis urus niaga yang dilakukan secara tunai yang tidak disokong oleh dokumen yang lengkap. Kaedah perbelanjaan pendahuluan secara tunai tambahan pula perbelanjaan ini tidak disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab bahawa perkhidmatan telah diberikan untuk membuktikan perbelanjaan yang ditanggung adalah benar mendedahkan MSN kepada risiko berlakunya fraud. Jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk PPBN bagi tahun 2016 adalah sejumlah RM18 juta. Perlantikan Syarikat Pengurusan bagi Program Pembangunan Bola Sepak ini juga tidak melalui proses perolehan dan polisi kewangan yang telah ditetapkan.</p> <p>Pendahuluan Belum Diselaraskan/Diselesaikan</p> <p>Setakat 31 Disember 2016, sejumlah RM4.04 juta pendahuluan yang diberikan dalam tempoh April sehingga Disember 2016 masih belum diselaraskan/diselesaikan dan telah melebihi tempoh yang ditetapkan. Sebahagian besar jumlah ini adalah perbelanjaan yang masih belum dicajkan kepada perbelanjaan tahun 2016. Ini menyebabkan keuntungan pada tahun tersebut telah terlebih nyata. Terdapat beberapa penerima pendahuluan yang merekodkan pendahuluan tertunggak yang tinggi dan kesemua mereka adalah pegawai kontrak MSN.</p> <p>Baki Lejar Aset Tidak Sama dengan Daftar Aset</p> <p>Perbezaan di antara baki pada Lejar Aset dan Daftar Aset berjumlah RM3.60 juta tidak dapat disahkan kewujudan, kesempurnaan dan ketepatan aset tersebut.</p> <p>Ketidakpatuhan kepada Polisi Kewangan</p> <p>Berdasarkan keanggotaan Lembaga Pengurus Majlis, operasi MSN adalah terdedah kepada isu tadbir urus di mana berlaku ketidakpatuhan kepada polisi kewangan. Ini disebabkan terdapat pelbagai arahan yang diterima daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk membuat bayaran kepada pelbagai organisasi untuk aktiviti/program KBS tanpa dokumen sokongan yang mencukupi sejumlah RM5.84 juta. Selain itu, terdapat Dana Program KBS yang disalurkan kepada Majlis Sukan Negara berjumlah RM5.25 juta.</p> <p>Kelemahan Kawalan Dalam</p> <p>Terdapat kelemahan dalam kawalan dalaman proses gaji di mana hanya seorang pegawai yang melaksanakan tugas pengemaskinian data induk untuk gaji dan pemprosesan gaji bulanan. Selain itu, terdapat perbelanjaan di mana Pesanan Jabatan dibuat selepas sesuatu kejohanan atau kerja/bekalan berlangsung bagi program Kejohanan Supermokh berjumlah RM197,120, Program TV Planet Bola berjumlah RM475,200 serta Majlis 1 Year Countdown berjumlah RM288,343. Terdapat juga isu di mana kelulusan pertambahan kos hanya diperoleh selepas pembelian aset atau pembayaran perkhidmatan dilakukan iaitu bagi pembelian Jentera Kubota berjumlah RM172,613 dan perkhidmatan naik taraf tandas di ASZU Pulau Pinang berjumlah RM260,000.</p>

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

*Penyata Kewangan 2015 yang tidak dilaporkan dalam LKAN Siri 2 Tahun 2015

4.8 Bagi tahun kewangan 2016, satu (1) penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah diberikan Pendapat Bertentangan adalah seperti **Jadual 4.4.**

JADUAL 4.4
PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG DIBERIKAN
PENDAPAT BERTENTANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2015/2016

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTENTANGAN
1.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	<p>i. Penyata Kewangan Tahun 2016</p> <p>Sistem Perakaunan KJ <i>i-Financial</i></p> <p>FINAS telah menggunakan sistem perakaunan KJ <i>i-Financial</i> bagi merekodkan transaksi perakaunan. Oleh kerana terdapat masalah dalam sistem perakaunan FINAS, ketepatan baki akaun pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan ekuiti tidak dapat disahkan.</p> <p>Cukai Pendapatan</p> <p>FINAS tidak merekodkan liabiliti cukai pendapatan dan penalti berjumlah RM6,213,632.14 dan RM3,246,004.49 masing-masing bagi tahun taksiran 2006 hingga 2015. Selain itu, FINAS juga tidak merekodkan liabiliti cukai pendapatan berjumlah RM2,126,710.32 bagi tahun taksiran 2016.</p> <p>Hartanah, Loji dan Peralatan</p> <p>FINAS tidak mempunyai rekod yang berasingan bagi kos dan amaun dibawa bagi aset di <i>Mix Stage</i> FINAS Hulu Kelang. Oleh kerana tiada rekod yang berasingan bagi kos dan amaun dibawa aset di <i>Mix Stage</i> FINAS Hulu Kelang, tiada bukti Audit yang mencukupi bagi mengenal pasti jumlah kos dan amaun dibawa bagi aset di <i>Mix Stage</i> FINAS Hulu Kelang. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti jumlah amaun dibawa bagi aset di <i>Mix Stage</i> pada 31 Disember 2016.</p> <p>Penyata Penyesuaian Bank</p> <p>FINAS tidak dapat menyesuaikan baki buku tunai atau baki penyata bank atau kedua-duanya di dalam 12 penyata penyesuaian bank pada 31 Disember 2016. Oleh kerana tiada penyata penyesuaian yang tepat, pihak Audit tidak dapat memastikan ketepatan baki bank berjumlah RM11,539,633.</p> <p>Manfaat Pekerja</p> <p>FINAS tidak mengakaunkan liabiliti manfaat pekerja dalam rekod perakaunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan tahun sebelumnya. Oleh kerana tiada liabiliti manfaat pekerja direkodkan, pihak Audit berpendapat Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia Seksyen 28 mengenai peruntukan Manfaat Pekerja tidak dipatuhi.</p> <p>Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman</p> <p>Baki Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman pada 31 Disember 2016 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, identiti penerima pendahuluan dan penghutang pinjaman berbaki debit berjumlah RM2,446,092 dan berbaki kredit berjumlah RM3,043,356 dalam akaun Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Pinjaman yang tidak dapat dikenal pasti.</p> <p>Penghutang Sewaan</p> <p>Baki Penghutang Sewaan pada 31 Disember 2016 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun Penghutang Sewaan yang berbaki debit dan berbaki kredit serta tidak dikemas kini. Selain itu, identiti Penghutang Sewaan berbaki kredit berjumlah RM81,707 tidak dapat dikenal pasti.</p> <p>Penghutang Pelbagai</p> <p>Baki Penghutang Pelbagai pada 31 Disember 2016 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun Penghutang Pelbagai yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan <i>material</i> terhadap Penghutang Pelbagai Berbaki debit berjumlah RM146,107 dan berbaki kredit berjumlah RM12,687,897 yang tidak dapat dikenal pasti penghutangnya.</p> <p>Pembiutang Pelbagai</p> <p>Baki Pembiutang Pelbagai pada 31 Disember 2016 tidak dapat disahkan kerana terdapat amaun Pembiutang Pelbagai yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan material terhadap Pembiutang Pelbagai berbaki debit berjumlah RM1,366,787 dan berbaki kredit</p>

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTENTANGAN
		<p>berjumlah RM30,175,063 yang tidak dapat dikenal pasti pemutangnya.</p> <p>Deposit Filem</p> <p>Deposit Filem yang dinyatakan tidak dapat disahkan disebabkan terdapat amanu Deposit Filem berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan material ke atas kesaksamaan baki Deposit Filem berjumlah RM18,450,900 kerana tidak dapat dikenal pasti pendepositnya.</p> <p>Rekod Perakaunan</p> <p>FINAS tidak mengemas kini dengan lengkap rekod perakaunan dan rekod lain bagi tempoh tahun kewangan dan selepas tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Oleh kerana tiada rekod perakaunan dan rekod lain yang lengkap, pihak Audit tidak dapat menjalankan pengauditan terhadap komitmen modal, liabiliti luar jangka, urus niaga pihak berkaitan dan peristiwa selepas tempoh kewangan.</p> <p>ii. Penyata Kewangan Tahun 2015</p> <p>Pendahuluan dan pinjaman</p> <p>Baki Pendahuluan dan Pinjaman pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amanu yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemaskini. Selain itu, penerima pendahuluan dan peminjam pinjaman komputer berjumlah RM638,942 dalam akaun Pendahuluan Diri/Pelbagai dan Pinjaman Komputer tidak dapat dikenal pasti.</p> <p>Penghutang Perniagaan</p> <p>Baki Penghutang Perniagaan pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amanu Penghutang Perniagaan yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemaskini. Selain itu, Penghutang Perniagaan berjumlah RM143,342 tidak dapat dikenal pasti.</p> <p>Penghutang Pelbagai</p> <p>Baki Penghutang Pelbagai pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amanu Penghutang Pelbagai yang berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemaskini. Selain itu, terdapat keraguan material terhadap 4 (empat) akaun Penghutang Pelbagai berjumlah RM228,908 yang tidak dapat dikenal pasti penghutangnya.</p> <p>Wang di Tangan dan di Bank</p> <p>Baki Wang di Tangan pada 31 Disember 2015 berjumlah RM200,458 tidak dapat disahkan kerana sejumlah RM186,107 tidak dapat dikesan dan tiada rekod diselenggara. Selain itu, baki lima akaun Wang di Tangan berjumlah RM4,359 berbeza dengan Surat Pengesahan yang diterima dan Surat Pengesahan bagi enam akaun Wang di Tangan berjumlah RM5,273 tidak diterima.</p> <p>Pemutang Pelbagai</p> <p>Baki Pemutang Pelbagai pada 31 Disember 2015 tidak dapat disahkan kerana terdapat amanu Pemutang Pelbagai berbaki kredit dan berbaki debit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan material terhadap Pemutang Pelbagai berjumlah RM29,147,056 yang tidak dapat dikenal pasti pemutangnya.</p> <p>Deposit Filem</p> <p>Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar amanu Deposit Filem yang dinyatakan disebabkan terdapat amanu Deposit Filem berbaki debit dan berbaki kredit serta rekod tidak dikemas kini. Selain itu, terdapat keraguan material ke atas kesaksamaan baki Deposit Filem berjumlah RM17,810,500 kerana tidak dapat dikenal pasti pendepositnya.</p>

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

5. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN

5.1 Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri dalam tempoh satu (1) bulan selepas menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudianya dikehendaki membentangkan Penyata tersebut di Parlimen dengan segera.

5.2 Setakat 15 September 2017 terdapat satu (1) Badan Berkanun Persekutuan dan satu (1) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah yang masih belum membentangkan penyata kewangan tahun sebelum walaupun Laporan Ketua Audit Negara telah dikeluarkan. Badan Berkanun Persekutuan tersebut adalah Agensi Inovasi Malaysia bagi tahun kewangan 2011 dan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi bagi tahun kewangan 2014 dan 2015. Bagi penyata kewangan tahun 2015, 135 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain telah dibentangkan di Parlimen, manakala untuk penyata kewangan tahun 2016 yang telah diaudit, hanya 12 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain telah dibentangkan di Parlimen. Butiran adalah seperti **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2016 YANG TELAH DIBENTANGKAN
DI PARLIMEN SETAKAT 15 SEPTEMBER 2017

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
PENYATA KEWANGAN 2016			
1.	Institut Akauntan Malaysia	04.04.2017	26.04.2017
2.	Bank Negara Malaysia	05.04.2017	26.04.2017
3.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	05.04.2017	26.04.2017
4.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia	27.07.2017	-
5.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	27.07.2017	-
6.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	01.08.2017	-
7.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia	01.08.2017	-
8.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia	01.08.2017	-
9.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera	01.08.2017	-
10.	Lembaga Tabung Haji	02.08.2017	-
11.	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan	09.08.2017	15.08.2017
12.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	10.08.2017	-

Sumber: Senarai Aturan Urusan Mesyuarat yang dibentangkan di Parlimen

6. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain yang merangkumi prestasi secara menyeluruh dan penggunaan geran pembangunan. Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan disediakan berdasarkan kepada 126 daripada 133 pernyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2016 kerana empat (4) Badan Berkanun Persekutuan telah diberi Pendapat Berteguran, satu (1) Badan Berkanun Persekutuan telah diberi Pendapat Bertentangan dan dua (2) Badan Berkanun Persekutuan masih belum disahkan setakat 15 September 2017. Selain itu, analisis prestasi kewangan juga dibuat secara berasingan terhadap pernyata kewangan bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah.

6.1 Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

6.1.1 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilaporkan mengikut kementerian berdasarkan kepada analisis pendapatan, pendapatan janaan sendiri, prestasi pemberian geran mengurus, lebihan/kurangan pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset, tunai dan kesetaraan tunai, pelaburan, liabiliti, liabiliti luar jangka serta prestasi penggunaan geran pembangunan.

6.1.2 Perubahan angka perbandingan juga diambil kira berdasarkan pelarasan tahun lalu yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian adalah seperti **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
BILANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN,
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN/AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN
BAGI TAHUN 2015 SEHINGGA 2016

BIL.	KEMENTERIAN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
		2015	2016
1.	Pendidikan Tinggi	23	23
2.	Jabatan Perdana Menteri	12	12
3.	Pengangkutan	11	12
4.	Kewangan	11	13
5.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	9	8
6.	Pertanian dan Industri Asas Tani	8	8
7.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	7	7
8.	Belia dan Sukan	5	5
9.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	5	5
10.	Kerja Raya	2	5
11.	Pertahanan	4	4
12.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4	4
13.	Pelancongan dan Kebudayaan	4	4
14.	Wilayah Persekutuan	4	4
15.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	3	4
16.	Pendidikan	3	3

BIL.	KEMENTERIAN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	
		2015	2016
17.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	3	3
18.	Komunikasi dan Multimedia	2	2
19.	Sumber Manusia	2	2
20.	Kesihatan	2	2
21.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1	1
22.	Sains, Teknologi dan Inovasi	1	1
23.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1	1
24.	Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah	11	10
JUMLAH		138	143


Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

6.2 Analisis Pendapatan

6.2.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Pada tahun 2016, pendapatan 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM109.232 bilion iaitu meningkat sejumlah RM7.063 bilion atau 6.9% berbanding RM102.169 bilion pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, pendapatan janaan sendiri adalah berjumlah RM90.629 bilion atau 83%, geran mengurus berjumlah RM13.636 bilion atau 12.4% dan pelunasan geran lain berjumlah RM5.067 bilion atau 4.6%. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.1**.

CARTA 6.1
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KATEGORI
PADA TAHUN 2016




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- ii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM62.437 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM17.243 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM6.639 bilion, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM6.334 bilion. Badan Berkanun Persekutuan

di bawah kementerian lain mencatatkan pendapatan berjumlah RM16.579 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.2**.

CARTA 6.2
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- iii. Analisis Audit terhadap pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati 14 kementerian mencatatkan peningkatan pendapatan manakala sembilan (9) kementerian menunjukkan penurunan pendapatan pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.2, Carta 6.3 dan Carta 6.4**.

JADUAL 6.2
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENDAPATAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	756.80	1,177.19	420.39	55.5
2.	Pertanian dan Industri Asas Tani	1,352.98	1,732.32	379.34	28.0
3.	Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi	1,825.22	2,142.31	317.09	17.4
4.	Kerja Raya	353.97	401.49	47.52	13.4
5.	Belia dan Sukan	108.18	121.17	12.99	12.0
PENURUNAN					
6.	Kesihatan	45.95	27.03	(18.92)	(41.2)
7.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,371.56	1,819.38	(552.18)	(23.3)
8.	Sains Teknologi dan Inovasi	33.28	26.82	(6.46)	(19.4)
9.	Pelancongan dan Kebudayaan	582.94	498.42	(84.52)	(14.5)
10.	Jabatan Perdana Menteri	7,655.01	6,638.62	(1,016.39)	(13.2)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.3
**PENINGKATAN PENDAPATAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


CARTA 6.4
**PENURUNAN PENDAPATAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- iv. Merujuk **Jadual 6.2**, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mencatatkan peratus peningkatan pendapatan tertinggi sebanyak 55.5% pada tahun 2016 berbanding 2015. Ini disebabkan peningkatan Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia iaitu penerimaan geran pembangunan sejumlah RM420.40 juta bagi tahun 2016.

- v. Analisis Audit bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mencatatkan pendapatan tertinggi sejumlah RM46.753 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berjumlah RM7.641 bilion, Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM4.682 bilion, Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM4.475 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain mencatatkan pendapatan berjumlah RM45.356 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.5**.



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- vi. Analisis Audit terhadap pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mendapati 69 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan pendapatan manakala 57 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan pendapatan pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.3, Carta 6.6 dan Carta 6.7**.

JADUAL 6.3
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENDAPATAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	185.73	710.54	524.81	282.6
2.	Perbadanan PR1MA Malaysia	92.79	289.56	196.77	212.1
3.	Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu	4.04	8.93	4.89	121.0
4.	Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia	3.65	6.35	2.70	74.0
5.	Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	6.55	11.00	4.45	67.9
PENURUNAN					
6.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia	6.62	2.73	(3.89)	(58.8)
7.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia	9.26	4.06	(5.20)	(56.2)
8.	Lembaga Pelabuhan Kuantan	35.50	18.34	(17.16)	(48.3)
9.	Agensi Inovasi Malaysia	177.99	94.00	(83.99)	(47.2)
10.	Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru	38.82	24.31	(14.51)	(37.4)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.6
PENINGKATAN PENDAPATAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.7
PENURUNAN PENDAPATAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- vii. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mencatatkan peratus peningkatan pendapatan tertinggi sebanyak 282.6% disebabkan oleh penerimaan geran kerajaan untuk mengurus, pembangunan dan akaun khas manakala Perbadanan PR1MA Malaysia mencatatkan peratus peningkatan pendapatan sebanyak 212.1% disebabkan oleh peningkatan jualan rumah bermula tahun 2016 serta peningkatan pendapatan operasi bagi yuran tender dan tapak pameran. Selain itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia mengalami penurunan pendapatan masing-masing sebanyak 58.8% dan 56.2% disebabkan pengurangan geran mengurus Kerajaan.

6.2.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- i. Pada tahun 2016, pendapatan sembilan (9) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM1.153 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.839 bilion atau 42.1% berbanding RM1.992 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Amanah Negara mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM712.59 juta pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan berjumlah RM386.38 juta. Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah lain mencatatkan pendapatan berjumlah RM54.90 juta.
- iii. Analisis Audit terhadap pendapatan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mendapati tiga (3) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan peningkatan pendapatan pada tahun 2016 berbanding 2015 iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan dan Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai. Sebanyak enam (6) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah menunjukkan penurunan manakala tiada pendapatan diterima/dijana oleh Kumpulan Wang Warisan pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.4
**PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENDAPATAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN
DAN AKAUN AMANAH PADA TAHUN 2016**

BIL.	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH	2015	2016	JUMLAH	
				(RM)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	41.08 juta	47.82 juta	6.74 juta	16.4
2.	Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan	355.71 juta	386.38 juta	30.67 juta	8.6
3.	Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai	2.69 juta	2.90 juta	0.21 juta	7.8
PENURUNAN					
4.	Kumpulan Wang Amanah Negara	1,586.23 juta	712.59 juta	(873.64)	(55.1)
5.	Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia	1.60 juta	1.07 juta	(0.53)	(33.1)
6.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-raja & Yang DiPertua - Yang DiPertua Negeri	1.98 juta	1.36 juta	(0.62)	(31.3)
7.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi	1.73 juta	1.32 juta	(0.41)	(23.7)
8.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	0.47 juta	0.40 juta	(0.07 juta)	(14.9)
9.	Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo	30,319	27,102	(3,217)	(10.6)
10.	Kumpulan Wang Warisan	-	-	-	-


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

6.3 Geran Mengurus

6.3.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membiayai gaji dan elaun pegawai Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.
- ii. Pada tahun 2016, geran mengurus yang diterima oleh 80 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 21 kementerian adalah berjumlah RM13.536 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.604 bilion atau 4.3% berbanding RM14.140 bilion pada tahun 2015.
- iii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM8.827 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM1.940 bilion, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah RM0.880 bilion serta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan berjumlah RM0.446 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain pula menerima geran mengurus sejumlah RM1.443 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.8**.

CARTA 6.8
GERAN MENGURUS TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- iv. Analisis Audit terhadap penerimaan geran mengurus Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati enam (6) kementerian mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus manakala 15 kementerian menunjukkan penurunan penerimaan geran mengurus pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.5, Carta 6.9 dan Carta 6.10**.

JADUAL 6.5
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENERIMAAN GERAN MENGURUS TERTINGGI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN
PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Pengangkutan	15.23	75.20	59.97	393.7
2.	Sumber Manusia	4.50	5.14	0.64	14.2
3.	Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi	132.42	149.36	16.94	12.8
4.	Wilayah Persekutuan	48.35	53.41	5.06	10.5
5.	Pertanian dan Industri Asas Tani	827.81	880.32	52.51	6.3
PENURUNAN					
6.	Kesihatan	16.90	8.38	(8.52)	(50.4)
7.	Belia dan Sukan	41.25	20.57	(20.68)	(50.1)
8.	Kewangan	155.30	103.16	(52.14)	(33.6)
9.	Pendidikan	90.29	70.00	(20.29)	(22.5)
10.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	53.38	41.80	(11.58)	(21.7)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

CARTA 6.9
PENINGKATAN PENERIMAAN GERAN MENGURUS TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


CARTA 6.10
PENURUNAN PENERIMAAN GERAN MENGURUS TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Merujuk **Jadual 6.5**, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan mencatatkan peningkatan penerimaan geran tertinggi melebihi 100% disebabkan oleh satu (1) agensi baru yang ditubuhkan iaitu Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) pada 1 Mac 2016. Pada tahun 2016, MAVCOM menerima geran mengurus sejumlah RM60 juta bagi membiayai operasinya.
- vi. Analisis Audit mendapati Universiti Teknologi MARA menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM2.498 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM1.594 bilion, Universiti Kebangsaan Malaysia berjumlah RM0.946 bilion, Universiti Sains Malaysia berjumlah RM0.852 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain

menerima geran mengurus berjumlah RM7.646 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.11**.



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


vii. Analisis Audit terhadap penerimaan geran mengurus Badan Berkanun Persekutuan mendapat 32 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus manakala 48 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan penerimaan geran mengurus pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.6**, **Carta 6.12** dan **Carta 6.13**.

JADUAL 6.6
PENINGKATAN DAN PENURUNAN TERTINGGI GERAN MENGURUS BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	4.70	22.66	17.96	382.1
2.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	6.23	18.22	11.99	192.5
3.	Majlis Peperiksaan Malaysia	15.24	25.00	9.76	64.0
4.	Lembaga Pembangunan Langkawi	27.30	43.97	16.67	61.1
5.	Lembaga Getah Malaysia	20.00	29.10	9.10	45.5
PENURUNGAN					
6.	Agensi Inovasi Malaysia	64.82	13.90	(50.92)	(78.6)
7.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia	5.57	1.69	(3.88)	(69.7)
8.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia	9.00	3.78	(5.22)	(58.0)
9.	Perbadanan PR1MA Malaysia	22.15	9.76	(12.39)	(55.9)
10.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	128.00	59.18	(68.82)	(53.8)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

**CARTA 6.12
PENINGKATAN GERAN MENGURUS TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

**CARTA 6.13
PENURUNAN GERAN MENGURUS TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- viii. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mencatatkan peratus peningkatan geran mengurus tertinggi sebanyak 382.1% disebabkan oleh terimaan geran mengurus tambahan berjumlah RM20 juta bagi pembayaran gaji, perundangan dan Darul Saadah (Rumah Perlindungan) manakala Majlis Peperiksaan Malaysia mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 64% disebabkan oleh penggantian yuran peperiksaan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) yang telah dikecualikan bagi calon sekolah kerajaan, sekolah kerajaan negeri (agama) dan sekolah integrasi. Agensi Inovasi Malaysia dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia mengalami peratus penurunan geran mengurus tertinggi masing-masing sebanyak 78.6%

dan 69.7% disebabkan oleh pemotongan pemberian kerajaan bagi tahun 2016.

6.3.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah


Pada tahun 2016, hanya Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai yang menerima geran mengurus berjumlah RM65,300 iaitu menurun sejumrah RM74,700 atau 53.4% berbanding RM140,000 pada tahun 2015.

6.4 Pendapatan Janaan Sendiri

6.4.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperoleh daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian serta jualan produk dan perkhidmatan.
- ii. Pada tahun 2016, pendapatan janaan sendiri oleh 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM90.629 bilion iaitu menurun sejumrah RM2.601 bilion atau 3.0% berbanding RM88.028 bilion pada tahun 2015.
- iii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan pendapatan janaan sendiri tertinggi berjumlah RM62.257 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM7.110 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM6.172 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM4.541 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mencatat pendapatan janaan sendiri berjumlah RM10.550 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.14**.

CARTA 6.14
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- iv. Analisis Audit terhadap pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapat sembilan (9) kementerian mencatatkan peningkatan pendapatan janaan sendiri manakala 14 kementerian menunjukkan penurunan penerimaan geran mengurus pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.7, Carta 6.15 dan Carta 6.16**.

JADUAL 6.7
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN
PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	379.71	692.94	313.23	82.5
2.	Kerja Raya	353.97	401.49	47.52	13.4
3.	Kewangan	55,400.48	62,256.73	6,856.25	12.4
4.	Pertahanan	1,162.17	1,284.59	122.42	10.5
5.	Sumber Manusia	4,122.45	4,540.74	418.29	10.1
PENURUNGAN					
6.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,286.93	6.96	(2,280.00)	(99.7)
7.	Belia dan Sukan	66.93	15.09	(51.84)	(77.5)
8.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	49.59	11.64	(37.95)	(76.5)
9.	Kesihatan	29.05	7.76	(21.29)	(73.3)
10.	Komunikasi dan Multimedia	38.59	25.54	(13.05)	(33.8)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.15
PENINGKATAN PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.16
PENURUNAN PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Merujuk **Jadual 6.7**, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mencatatkan peratus peningkatan pendapatan janaan sendiri tertinggi sebanyak 105.7% pada tahun 2016 berbanding pada tahun 2015. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia menyumbang peratus peningkatan ketara sebanyak 1,650.1% atau RM502.40 juta pada tahun 2016.

- vi. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memperoleh pendapatan janaan sendiri tertinggi sejumlah RM46.754 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

berjumlah RM7.641 bilion, Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM4.475 bilion, Lembaga Tabung Haji berjumlah RM3.481 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain mencatatkan pendapatan janaan sendiri berjumlah RM28.279 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.17**.

CARTA 6.17
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- vii. Analisis Audit terhadap pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan mendapati 49 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan pendapatan janaan sendiri manakala 77 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan pendapatan janaan sendiri pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi pendapatan janaan sendiri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.8, Carta 6.18 dan Carta 6.19**.

JADUAL 6.8
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	30.45	532.84	502.39	1,649.9
2.	Majlis Sukan Wilayah Persekutuan	0.71	5.15	4.44	625.4
3.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan	4.91	21.31	16.4	334.0
4.	Perbadanan PR1MA Malaysia	70.64	279.79	209.15	296.1
5.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia	56.98	174.65	117.67	206.5
PENURUNAN					
6.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	2,286.93	6.96	(2,279.97)	(99.7)
7.	Institut Sukan Negara	44.75	2.09	(42.66)	(95.3)
8.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	27.30	2.39	(24.91)	(91.2)
9.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	137.24	14.52	(122.72)	(89.4)
10.	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara	28.81	3.70	(25.11)	(87.2)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.18
PENINGKATAN PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI BAGI LIMA (5)
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.19
PENURUNAN PENDAPATAN JANAAN SENDIRI TERTINGGI BAGI LIMA (5)
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

viii. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mencatatkan peratus peningkatan pendapatan janaan sendiri tertinggi sebanyak 1,649.9% disebabkan oleh hasil faedah deposit di bank. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 625.4% disebabkan oleh faedah diterima, terimaan bukan hasil dan pelbagai terimaan. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri sebanyak 99.7% disebabkan oleh penurunan hasil cukai dan Hasil Dari Urusniaga Bukan Pertukaran manakala penurunan pendapatan janaan sendiri bagi Institut Sukan Negara menurun sebanyak 93.5% disebabkan oleh lain-lain

pendapatan, lain-lain perkhidmatan, pulangan balik perbelanjaan dan terimaan bukan hasil yang lain.

6.4.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- i. Pada tahun 2016, pendapatan janaan sendiri oleh 9 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM1.154 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.838 bilion atau 42.1% berbanding RM1.992 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Amanah Negara mencatatkan pendapatan janaan sendiri tertinggi berjumlah RM712.58 juta dan diikuti oleh Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan berjumlah RM386.38 juta. Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah lain mencatatkan pendapatan berjumlah RM393.46 juta.
- iii. Analisis Audit mendapati tiga (3) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan peningkatan bagi pendapatan janaan sendiri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 iaitu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan dan Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai. Sebanyak enam (6) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah menunjukkan penurunan pada tahun 2016 manakala tiada pendapatan janaan sendiri diterima/dijana oleh Kumpulan Wang Warisan pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.9**.

JADUAL 6.9
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENDAPATAN JANAAN SENDIRI KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH PADA TAHUN 2016

BIL	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH	2015	2016	JUMLAH	
		(RM)	(RM)	(RM)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	41.08 juta	47.82 juta	6.74 juta	16.4
2.	Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan	355.71 juta	386.38 juta	30.67 juta	8.6
3.	Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai	2.69 juta	2.90 juta	0.21 juta	7.8
PENURUNAN					
4.	Kumpulan Wang Amanah Negara	1,586.23 juta	712.59 juta	(873.64 juta)	(55.1)
5.	Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia	1.60 juta	1.07 juta	(0.53 juta)	(33.1)
6.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-raja & Yang DiPertua - Yang DiPertua Negeri	1.98 juta	1.36 juta	(0.62 juta)	(31.3)
7.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi	1.73 juta	1.32 juta	(0.41 juta)	(23.7)
8.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	(473,674)	(404,844)	(68,830)	(14.5)
9.	Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo	(30,319)	(27,102)	(3,217)	(10.6)
10.	Kumpulan Wang Warisan	-	-	-	-

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- iv. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia mencatatkan peratus peningkatan pendapatan janaan sendiri tertinggi sebanyak 16.4% disebabkan oleh keuntungan pelaburan, sewaan dan lain-lain pendapatan. Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 8.6% disebabkan oleh kutipan sumbangan modal pembetungan mengikut negeri (naik taraf, sambungan dan tangki septik individu) dan pendapatan faedah manakala Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 7.8% disebabkan oleh peningkatan sumber pendapatan kumpulan wang seperti derma, sewaan, pendapatan dobi dan wang penghuni. Kumpulan Wang Amanah Negara mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri sebanyak 55.1% disebabkan oleh kerugian mata wang asing manakala pendapatan janaan sendiri bagi Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia menurun sebanyak 33.1% disebabkan oleh penurunan dalam sekuriti, geran daripada bank, pinjaman dan deposit.

6.5 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan

6.5.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Pada tahun 2016, 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian mencatatkan baki lebihan pendapatan berjumlah RM46.413 bilion berbanding RM42.386 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati 17 kementerian mencatatkan lebihan pendapatan berjumlah RM47.091 bilion pada tahun 2016 berbanding 15 kementerian mencatatkan lebihan pendapatan berjumlah RM43.257 bilion pada tahun 2015. Sebanyak enam (6) kementerian mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM0.678 bilion pada tahun 2016 berbanding lapan (8) kementerian mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM0.871 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.10**.


JADUAL 6.10
PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2015 DAN 2016

TAHUN	KEMENTERIAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		KEMENTERIAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)
2015	15	43.257	8	0.871	23	42.386
2016	17	47.091	6	0.678	23	46.413

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- iii. Analisis Audit mendapati Kementerian Kewangan mencatatkan lebihan pendapatan tertinggi berjumlah RM41,974.44 juta. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM2,034.84 juta, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM917.47 juta, Kementerian Pertahanan berjumlah RM905.57 juta dan lain-lain kementerian berjumlah RM1,258.83. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.20.**


CARTA 6.20
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN YANG MEMPEROLEH
LEBIHAN PENDAPATAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- iv. Analisis Audit mendapati Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM0.323 bilion disebabkan oleh kerugian yang dialami oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi berjumlah RM0.204 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM0.148 bilion dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan berjumlah RM0.704 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.21.**

CARTA 6.21
**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN YANG MENGALAMI
 KURANGAN PENDAPATAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- v. Pada tahun 2016, 79 daripada 126 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan pendapatan berjumlah RM48.339 bilion berbanding 76 daripada 124 Badan Berkanun Persekutuan yang memperoleh lebihan pendapatan berjumlah RM44.747 bilion pada tahun 2015. Selain itu, 47 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kurangan pendapatan sejumlah RM1.926 bilion pada tahun 2016 berbanding 48 Badan Berkanun Persekutuan dengan kurangan pendapatan sejumlah RM2.362 bilion pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.11**.


JADUAL 6.11
**PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN
 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2015 DAN 2016**

TAHUN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)
2015	76	44.747	48	(2.362)	124	42.385
2016	79	48.339	47	(1.926)	126	46.413

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- vi. Analisis selanjutnya mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mencatatkan lebihan pendapatan tertinggi berjumlah RM34.526 billion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berjumlah RM4.957 billion, Lembaga Tabung Haji berjumlah RM2.486 billion, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berjumlah RM1.184 billion dan Badan Berkanun Persekutuan lain berjumlah RM5.186 billion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.22**.

CARTA 6.22
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN TERTINGGI PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

6.5.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- Pada tahun 2016, lebihan/(kurangan) pendapatan 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM330.47 juta iaitu penurunan sejumlah RM4.30 juta berbanding RM334.77 juta pada tahun 2015.
- Analisis Audit mendapati sembilan (9) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan lebihan pendapatan berjumlah RM330.49 juta pada tahun 2016 berbanding RM334.79 juta pada tahun 2015. Pada tahun 2016, Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo mengalami kurangan pendapatan berjumlah RM23,940 berbanding RM20,723 pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.12**.

JADUAL 6.12
PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH PADA TAHUN 2015 DAN 2016


TAHUN	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MEMPEROLEH LEBIHAN PENDAPATAN		KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
2015	9	334.79	1	0.02	10	334.77
2016	9	330.49	1	0.02	10	330.47

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- Analisis selanjutnya mendapati Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan mencatatkan lebihan pendapatan tertinggi berjumlah

RM253.82 juta pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja & Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri (Biasiswa Raja-Raja) berjumlah RM43.33 juta, Kumpulan Wang Warisan berjumlah RM14.37 juta, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia berjumlah RM14.17 juta dan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah lain berjumlah RM4.81 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.23**.

CARTA 6.23
**KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MEMPEROLEH
LEBIHAN PENDAPATAN TERTINGGI PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


6.6 Analisis Lebihan/(Kurangan) Terkumpul

6.6.1 Badan Berkanun Persekutuan

- Pada tahun 2016, 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian mencatatkan baki lebihan/(kurangan) terkumpul berjumlah RM129.565 bilion berbanding RM128.976 bilion pada tahun 2015. Lebihan/(kurangan) terkumpul ini merupakan baki Kumpulan Wang Mengurus.
- Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai lebihan terkumpul yang tertinggi pada tahun 2016 berjumlah RM72.264 bilion. Ini diikuti oleh Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM24.945 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM13.581 bilion, Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah

RM8.888 bilion dan kementerian lain berjumlah RM9.889 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.24**.


CARTA 6.24
KEDUDUKAN LEBIHAN TERKUMPUL BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- iii. Pada tahun 2016, 117 Badan Berkanun Persekutuan memperoleh lebihan terkumpul berjumlah RM130.612 bilion. Analisis selanjutnya mendapati Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) mencatatkan lebihan terkumpul tertinggi berjumlah RM48.058 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM24.714 bilion, Bank Negara Malaysia berjumlah RM14.666 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM11.215 bilion dan Badan Berkanun Persekutuan lain berjumlah RM31.958 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.25**.

CARTA 6.25
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEH LEBIHAN
TERKUMPUL TERTINGGI PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- iv. Analisis Audit terhadap lebihan terkumpul Badan Berkanun Persekutuan dibawah kementerian mendapati 13 kementerian mencatatkan peningkatan


lebihan terkumpul manakala 10 kementerian menunjukkan penurunan lebihan terkumpul pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.13, Carta 6.26 dan Carta 6.27**.

JADUAL 6.13
PENINGKATAN DAN PENURUNAN LEBIHAN TERKUMPUL TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015	2016	JUMLAH	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Pendidikan Tinggi	5,447.13	8,887.81	3,440.68	63.2
2.	Pertanian dan Industri Asas Tani	387.58	494.22	106.64	27.5
3.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	64.36	79.19	14.83	23.1
4.	Pengangkutan	595.83	703.72	107.37	18.0
5.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	433.73	476.12	42.39	9.8
PENURUNAN					
6.	Sains, Teknologi dan Inovasi	5.83	0.41	(5.42)	(93.0)
7.	Pelancongan dan Kebudayaan	116.36	51.47	(64.89)	(55.8)
8.	Perdagangan, Antarabangsa dan Industri	169.27	118.45	(50.82)	(30.1)
9.	Pertahanan	444.60	326.50	(118.10)	(26.6)
10.	Belia dan Sukan	75.73	57.76	(17.97)	(23.7)


Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.26
PENINGKATAN LEBIHAN TERKUMPUL TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.27
**PENURUNAN LEBIHAN TERKUMPUL TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Analisis Audit mendapati sembilan (9) Badan Berkanun Persekutuan mengalami kurangan terkumpul pada tahun 2016 berjumlah RM1.046 bilion berbanding RM1.022 bilion pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.28**.

CARTA 6.28
KURANGAN TERKUMPUL BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

6.6.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- i. Pada tahun 2016, lebihan terkumpul 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM7.907 bilion iaitu peningkatan

sejumlah RM0.977 bilion atau 14.1% berbanding RM6.930 bilion pada tahun 2015.

- ii. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Amanah Negara mempunyai lebihan terkumpul yang tertinggi iaitu peningkatan sejumlah RM0.703 bilion atau 12.5% kepada RM6.331 bilion pada tahun 2016 berbanding RM5.628 bilion pada tahun 2015, diikuti oleh Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan peningkatan sejumlah RM0.254 bilion atau 24.1% kepada RM1.309 bilion pada tahun 2016 berbanding RM1.055 bilion pada tahun 2015 dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia berjumlah RM0.022 bilion atau 14.1% kepada RM0.178 bilion pada tahun 2016 berbanding RM0.156 bilion pada tahun 2015.
- iii. Analisis Audit mendapati sembilan (9) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan lebihan terkumpul berjumlah RM7.907 bilion pada tahun 2016 berbanding RM6.930 bilion pada tahun 2015. Pada tahun 2016, Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo mengalami kurangan terkumpul berjumlah RM357,643 berbanding RM333,703 pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.14**.

JADUAL 6.14
PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) TERKUMPUL KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH PADA TAHUN 2015 DAN 2016

TAHUN	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MENCATAT LEBIHAN TERKUMPUL		KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MENGALAMI KURANGAN TERKUMPUL		LEBIHAN TERKUMPUL KESELURUHAN	
	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)	BIL.	JUMLAH (RM Bilion)
2015	9	6.93	1	-*	10	6.93
2016	9	7.91	1	-*	10	7.91

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

*Nota: Kurangan Terkumpul pada tahun 2015 berjumlah RM333,703 dan 2016 berjumlah RM357,643


6.7 Analisis Aset

6.7.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset semasa dan bukan semasa yang terdiri daripada hartanah, loji dan peralatan, kerja dalam pelaksanaan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, pinjaman kepada kakitangan, penghutang, pelaburan jangka pendek, simpanan tetap dan tunai.

- ii. Pada tahun 2016, aset 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM1,742.159 bilion mencatatkan peningkatan sejumlah RM129.307 bilion atau 8% berbanding RM1,612.852 bilion pada tahun 2015.
- iii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai jumlah aset tertinggi berjumlah RM1,406.438 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM103.206 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM100.895 bilion dan Kementerian Pengangkutan berjumlah RM39.267 bilion dan kementerian lain berjumlah RM92.353 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.29**.

CARTA 6.29
KEDUDUKAN JUMLAH ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- iv. Analisis Audit terhadap jumlah aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati 16 kementerian mencatatkan peningkatan jumlah aset manakala tujuh (7) kementerian menunjukkan penurunan jumlah aset pada tahun 2016. Lima (5) kementerian masing-masing yang mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti **Jadual 6.15**, **Carta 6.30** dan **Carta 6.31**.


JADUAL 6.15
PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH ASET TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016

BIL.	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	636.73	933.29	296.56	46.6
2.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	2,357.06	2,972.95	615.89	26.1
3.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,332.81	1,604.56	271.75	20.4
4.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	1,221.61	1,360.37	138.76	11.4
5.	Kerja Raya	2,468.00	2,724.43	256.43	10.4

BIL.	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENURUNAN					
6.	Kesihatan	45.64	36.76	(8.88)	(19.5)
7.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	239.05	208.78	(30.27)	(12.7)
8.	Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	6,496.48	5,776.51	(719.97)	(11.1)
9.	Pengangkutan	43,730.51	39,266.84	(4,463.67)	(10.2)
10.	Pelancongan dan Kebudayaan	664.35	615.69	(48.66)	(7.3)


Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.30
PENINGKATAN JUMLAH ASET TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.31
PENURUNAN JUMLAH ASET TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Merujuk **Jadual 6.15**, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam mencatatkan peratus peningkatan jumlah aset tertinggi sebanyak 46.6% pada tahun 2016 berbanding 2015.

- vi. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mencatatkan jumlah aset tertinggi berjumlah RM742.324 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM450.979 bilion, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berjumlah RM126.287 bilion, Lembaga Tabung Haji berjumlah RM64.321 bilion dan Badan Berkanun Persekutuan lain berjumlah RM358.247 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.32**.

CARTA 6.32
KEDUDUKAN JUMLAH ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- vii. Pada tahun 2016, 71 daripada 126 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan jumlah peningkatan aset manakala 55 Badan Berkanun Persekutuan mengalami penurunan aset. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing yang mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti **Jadual 6.16, Carta 6.33 dan Carta 6.34**.


JADUAL 6.16
PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH ASET TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Universiti Malaysia Sabah	2,791.49	5,983.25	3,191.76	114.3
2.	Perbadanan PR1MA Malaysia	2,833.83	5,913.21	3,079.38	108.7
3.	Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah	1.17	2.18	1.01	86.3
4.	Suruhanjaya Koperasi Malaysia	73.79	113.39	39.60	53.7
5.	Lembaga Pertubuhan Peladang	592.78	880.18	287.40	48.5
PENURUNGAN					
6.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia	6.23	2.16	(4.07)	(65.3)
7.	Perbadanan Perwira Harta Malaysia	461.32	241.92	(219.40)	(47.6)
8.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia	2,324.30	1,439.56	(884.74)	(38.1)
9.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar	417.97	276.84	(141.13)	(33.8)

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
10.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	259.29	173.71	(85.58)	(33.0)


Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.33
PENINGKATAN JUMLAH ASET TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.34
PENURUNAN JUMLAH ASET TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- viii. Universiti Malaysia Sabah mencatatkan peratus peningkatan jumlah aset tertinggi sebanyak 114.3% disebabkan oleh penilaian semula tanah (milik pajakan) di bawah Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM12.17 juta dan Kumpulan Wang Pengurusan sejumlah RM3.261 bilion. Aset Perbadanan PR1MA Malaysia meningkat sebanyak 108.7% disebabkan oleh kenaikan dalam kos pembangunan harta tanah sejumlah RM2.435 bilion, penghutang dagangan sejumlah RM195.10 juta dan pelbagai penghutang sejumlah RM201.74 juta serta inventori dan kerja dalam pelaksanaan sejumlah RM62.65 juta. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia mengalami peratus penurunan jumlah aset tertinggi sebanyak 65.3% disebabkan oleh pengurangan dalam simpanan tetap sejumlah

RM3.33 juta dan penurunan tunai di bank sejumlah RM0.53 juta manakala Perbadanan Perwira Harta Malaysia mengalami penurunan sebanyak 47.6% disebabkan oleh pengurangan dalam penghutang perniagaan sejumlah RM287.32 juta.

6.7.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- i. Pada tahun 2016, aset bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM20.889 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.159 bilion atau 5.9% berbanding RM19.730 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Amanah Negara mencatatkan jumlah aset tertinggi berjumlah RM15.409 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia berjumlah RM2.982 bilion, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan berjumlah RM1.320 bilion dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia berjumlah RM1.086 bilion. Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah lain mencatatkan jumlah aset berjumlah RM0.092 bilion.
- iii. Analisis Audit terhadap jumlah aset mendapati lapan (8) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan peningkatan jumlah aset manakala dua (2) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah menunjukkan penurunan jumlah aset pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.17**.

JADUAL 6.17
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MENCATAT PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH ASET PADA TAHUN 2016

BIL	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH	2015	2016	JUMLAH	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	%
PENINGKATAN					
1.	Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan	1,059.58	1,319.88	260.30	24.6
2.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi	4.76	5.52	0.76	16.0
3.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	0.41	0.47	0.06	14.3
4.	Kumpulan Wang Amanah Negara	14,616.21	15,408.85	792.64	5.4
5.	Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia	2,881.22	2,982.34	101.12	3.5
6.	Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai	25.74	25.97	0.23	0.9
7.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	1,081.96	1,086.27	4.31	0.4
8.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-raja & Yang DiPertua - Yang DiPertua Negeri	43.42	43.54	0.12	0.3
PENURUNAN					
9.	Kumpulan Wang Warisan	16.30	15.11	(1.19)	(7.3)
10.	Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo	0.64	0.62	(0.02)	(3.1)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


- iv. Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan mencatatkan peratus peningkatan jumlah aset tertinggi sebanyak 24.6% disebabkan oleh peningkatan dalam simpanan tetap sejumlah RM356.60 juta dan faedah terakru sejumlah RM2 juta manakala jumlah aset Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi meningkat sebanyak 16% disebabkan oleh peningkatan dalam simpanan tetap. Kumpulan Wang Warisan mengalami peratus penurunan jumlah aset tertinggi sebanyak 7.3% disebabkan oleh pengurangan dalam wang di bank sejumlah RM1.17 juta manakala Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo mengalami penurunan sebanyak 3.1% disebabkan oleh pelunasan bon korporat sejumlah RM0.09 juta.

6.8 Analisis Pelaburan

6.8.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Pelaburan utama Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, harta tanah, bon dan Sekuriti Kerajaan Malaysia.
- ii. Pada tahun 2016, pelaburan bagi 79 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 18 kementerian adalah berjumlah RM453.219 bilion atau 26.8% daripada jumlah keseluruhan aset iaitu meningkat sejumlah RM16.817 bilion atau 3.9% berbanding RM436.402 bilion pada tahun 2015.
- iii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM372.406 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM48.971 bilion, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM15.971 bilion, Kementerian Pertahanan berjumlah RM7.267 bilion dan kementerian lain berjumlah RM8.604 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.35**.

CARTA 6.35
**KEDUDUKAN JUMLAH PELABURAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- iv. Analisis Audit terhadap jumlah pelaburan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati 10 kementerian mencatatkan peningkatan jumlah pelaburan, tujuh (7) kementerian menunjukkan penurunan jumlah pelaburan manakala tiada perubahan jumlah pelaburan bagi satu (1) kementerian. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti **Jadual 6.18, Carta 6.36 dan Carta 6.37**.

JADUAL 6.18
PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH PELABURAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Pengangkutan	476.69	564.99	88.30	18.5
2.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	588.81	679.45	90.64	15.4
3.	Jabatan Perdana Menteri	44,642.94	48,970.79	4,327.85	9.7
4.	Pertanian dan Industri Asas Tani	25.50	27.73	2.23	8.8
5.	Pertahanan	6,733.89	7,266.70	532.81	7.8
PENURUNAN					
6.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	12.90	0	(12.90)	(100.0)
7.	Wilayah Persekutuan	16.80	10.21	(6.59)	(39.2)
8.	Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	45.34	35.56	(9.78)	(21.6)
9.	Belia dan Sukan	50.49	48.73	(1.76)	(3.5)
10.	Sumber Manusia	16,466.48	15,970.89	(495.59)	(3.0)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.36
**PENINGKATAN JUMLAH PELABURAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
 BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.37
**PENURUNAN JUMLAH PELABURAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
 BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Merujuk **Jadual 6.18**, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan mencatatkan peratus peningkatan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak 17.2% pada tahun 2016 berbanding 2015. Ini disebabkan oleh peningkatan pelaburan sejumlah RM80.63 bilion yang dibuat oleh Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas), Lembaga Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pelabuhan Melaka dan Lembaga Pelabuhan Kelang.

- vi. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berjumlah RM259.877 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berjumlah RM98.171 bilion, Lembaga Tabung Haji berjumlah RM44.552 bilion, Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM15.740 bilion dan Badan Berkanun Persekutuan lain berjumlah RM34.878 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.38**.

CARTA 6.38
KEDUDUKAN JUMLAH PELABURAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- vii. Pada tahun 2016, 42 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan jumlah peningkatan pelaburan, 18 Badan Berkanun Persekutuan mengalami penurunan pelaburan manakala tiada perubahan jumlah pelaburan bagi 19 Badan Berkanun Persekutuan. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing yang mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti **Jadual 6.19, Carta 6.39 dan Carta 6.40**.

JADUAL 6.19
PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH PELABURAN TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016


BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM)	2016 (RM)	JUMLAH	
				(RM)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat	-*	2,500,000	2,499,998	124,999,900.0
2.	Universiti Sains Islam Malaysia	350,000	2,000,000	1,650,000	471.5
3.	Universiti Malaysia Terengganu	577,834	2,100,000	1,522,166	263.5
4.	Agenси Inovasi Malaysia	11,000	26,000	15,000	136.4
5.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar	1,160,606	2,660,604	1,499,998	129.3
PENURUNAN					
6.	Suruhanjaya Tenaga	12,902,767	0	(12,902,767)	(100.0)
7.	Perbadanan Putrajaya	8,800,000	1,779,999	(7,020,001)	(79.8)

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM)	2016 (RM)	JUMLAH	
				(RM)	(%)
8.	Universiti Teknologi Malaysia	23,617,278	4,803,147	(18,814,131)	(79.7)
9.	Yayasan Pelajaran Pertubuhan Peladang MADA	1,758,737	699,204	(1,059,533)	(60.3)
10.	Bank Simpanan Nasional	9,433,545,000	6,607,318,000	(2,826,227,000)	(30.0)

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


Nota: *Pelaburan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat pada tahun 2015 berjumlah RM2.

CARTA 6.39
PENINGKATAN JUMLAH PELABURAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.40
PENURUNAN JUMLAH PELABURAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

viii. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mencatatkan peratus peningkatan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak 124,999,900% disebabkan oleh peningkatan dalam pelaburan saham tidak disebut harga sejumlah RM2.49 juta manakala Universiti Sains Islam Malaysia mencatatkan peningkatan 471.5% disebabkan oleh peningkatan pelaburan dalam anak syarikat sejumlah RM1.65 juta. Suruhanjaya Tenaga mengalami peratus penurunan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak 100% dan berbaki sifar disebabkan oleh pegangan unit amanah telah dicairkan berjumlah RM13.90 juta manakala Perbadanan Putrajaya mengalami penurunan sebanyak 79.8% disebabkan oleh saham yang dipindahkan kepada syarikat subsidiari induk sejumlah RM7.04 juta.

6.8.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- i. Pada tahun 2016, hanya empat (4) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah yang mempunyai pelaburan berjumlah RM14.139 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.972 bilion atau 16.2% berbanding RM12.167 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Amanah Negara mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berjumlah RM13,244.97 juta pada tahun 2016. Ini diikuti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia berjumlah RM850.41 juta, Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja & Yang DiPertua-Yang DiPertua Negeri berjumlah RM42.82 juta dan Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan berjumlah RM0.32 juta pada tahun 2016.
- iii. Analisis Audit terhadap jumlah pelaburan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mendapati empat (4) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan peningkatan jumlah pelaburan pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.20**.

JADUAL 6.20
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MENCATAT PENINGKATAN PELABURAN BAGI TAHUN 2016

BIL	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	PENINGKATAN	
				(RM Juta)	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Negara	11,297.39	13,244.97	1,947.58	17.3
2.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	0.31	0.32	0.01	3.2
3.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	826.35	850.41	24.06	3.0
4.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja & Yang DiPertua-Yang DiPertua Negeri	42.61	42.82	0.21	0.5

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


- iv. Kumpulan Wang Amanah Negara mencatatkan peratus peningkatan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak 17.3% disebabkan oleh peningkatan ekuiti tersiar harga sejumlah RM423.11 juta dan intrumen pelaburan berpendapatan tetap sejumlah RM1,514.68 juta. Tabung Kebajikan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan mencatatkan peningkatan sejumlah 3.2% disebabkan oleh peningkatan dalam deposit tetap dengan bank berlesen. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia mencatatkan peningkatan sejumlah 3% disebabkan oleh peningkatan pembiayaan pelaburan dalam institusi milik penuh sejumlah RM23.85 juta. Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja & Yang DiPertua-Yang DiPertua Negeri mengalami peratus penurunan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak 8.9% disebabkan oleh pengeluaran pelaburan pulangan tetap sejumlah RM0.87 juta.

6.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

6.9.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Tunai dan kesetaraan tunai Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada tunai di tangan dan bank, simpanan tetap dan pelaburan jangka pendek.
- ii. Pada tahun 2016, jumlah tunai dan kesetaraan tunai bagi 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM70.654 bilion atau 4% daripada jumlah keseluruhan aset iaitu meningkat sejumlah RM7.924 bilion atau 12.6% berbanding RM62.730 bilion pada tahun 2015.
- iii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi mempunyai tunai dan kesetaraan tunai tertinggi berjumlah RM20.766 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Kementerian Kewangan berjumlah RM16.389 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM12.960 bilion, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berjumlah RM3.334 bilion dan kementerian lain berjumlah RM17.205 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.41**.

CARTA 6.41
KEDUDUKAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- iv. Analisis Audit terhadap jumlah tunai dan kesetaraan tunai Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati lapan (8) kementerian mencatatkan peningkatan jumlah tunai dan kesetaraan tunai manakala 15 kementerian menunjukkan penurunan jumlah tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing yang mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti **Jadual 6.21, Carta 6.42 dan Carta 6.43**.

JADUAL 6.21
PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Kewangan	9,717.61	16,388.67	6,671.06	68.6
2.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	121.45	178.25	56.80	46.8
3.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	1,829.20	2,396.39	567.19	31.0
4.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	966.80	1,260.94	294.14	30.42
5.	Pendidikan Tinggi	16,031.62	20,765.68	4,734.06	29.5
PENURUNAN					
6.	Sumber Manusia	5,216.56	2,708.34	(2,508.22)	(48.1)
7.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	118.28	78.42	(39.86)	(33.7)
8.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	161.59	112.08	(49.51)	(30.6)
9.	Wilayah Persekutuan	755.95	549.57	(206.38)	(27.3)
10.	Kesihatan	43.51	32.59	(10.92)	(25.1)


Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.42
PENINGKATAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.43
PENURUNAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Merujuk **Jadual 6.21**, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peratus peningkatan jumlah tunai dan kesetaraan tunai tertinggi sebanyak 49.3% pada tahun 2016 berbanding 2015. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam simpanan tetap bagi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara sejumlah RM168.79 juta dan penerimaan pinjaman daripada institusi luar bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sejumlah RM1,126.49 juta.

- vi. Analisis Audit mendapati Lembaga Tabung Haji mencatatkan jumlah tunai dan kesetaraan tunai tertinggi berjumlah RM10.130 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional berjumlah RM9.946 bilion, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM8.477 bilion, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berjumlah RM4.742 bilion dan Badan Berkanun Persekutuan lain berjumlah RM37.359 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.44**.

CARTA 6.44
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- vii. Pada tahun 2016, 57 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan jumlah peningkatan tunai dan kesetaraan tunai manakala 69 Badan Berkanun Persekutuan mengalami penurunan tunai dan kesetaraan tunai. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing yang mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi pada tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti **Jadual 6.22, Carta 6.45 dan Carta 6.46**.

JADUAL 6.22
PENINGKATAN DAN PENURUNAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI
TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2016


BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	50.52	248.27	197.75	391.4
2.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia*	(5.81)	(26.74)	(20.93)	360.6
3.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	155.53	382.19	226.66	145.7
4.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia	9.41	22.64	13.23	140.6
5.	Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah	0.83	1.91	1.08	130.5
PENURUNAN					
6.	Yayasan Tun Razak	4.15	0.69	(3.46)	(83.4)

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
7.	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia	4.86	0.99	(3.87)	(79.6)
8.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	4,436.22	1,923.53	(2,512.69)	(56.6)
9.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia	6.22	2.91	(3.31)	(53.2)
10.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera	63.63	31.35	(32.28)	(50.7)

Sumber : Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


Nota: *Baki tunai dan kesetaraan tunai Perbadanan Perwira Niaga Malaysia berbaki negatif disebabkan oleh kemudahan overdraf.

CARTA 6.45
PENINGKATAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.46
PENURUNAN JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- viii. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan mencatatkan peratus peningkatan tunai dan kesetaraan tunai tertinggi sebanyak 391.4% disebabkan oleh pinjaman diterima daripada institusi luar sejumlah RM1,126.49 juta manakala Perbadanan Perwira Niaga Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 360.6% disebabkan oleh tambahan pinjaman sejumlah RM153.07 juta. Yayasan Tun Razak mengalami penurunan sebanyak 83.4% disebabkan oleh pengurangan dalam penerimaan dividen daripada syarikat bersekutu sejumlah RM0.84 juta dan pembelian saham tersiar harga sejumlah RM2.81 juta.

6.9.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- i. Pada tahun 2016, jumlah tunai dan kesetaraan tunai bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM3.384 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.782 bilion atau 18.8% berbanding RM4.166 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Amanah Negara mencatatkan tunai dan kesetaraan tunai tertinggi berjumlah RM2.028 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan berjumlah RM1.308 bilion, Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai berjumlah RM17.70 juta dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia berjumlah RM14.08 juta dan Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah lain mencatatkan jumlah aset berjumlah RM16.79 juta.
- iii. Analisis Audit tunai dan kesetaraan tunai selanjutnya mendapati empat (4) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan peningkatan tunai dan kesetaraan tunai manakala enam (6) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah menunjukkan penurunan tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.23**.

JADUAL 6.23

KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH YANG MENCATAT PENINGKATAN DAN PENURUNAN TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA TAHUN 2016

BIL	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH	2015 (RM)	2016 (RM)	JUMLAH	
				(RM)	%
PENINGKATAN					
1.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	36,386	121,621	85,235	234.3
2.	Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo	10,232	5,124	5,108	99.7
3.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi	5,328,258	3,969,446	1,358,812	34.2
4.	Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan	1,308,169,515	1,049,783,170	258,386,345	24.6

BIL	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH	2015 (RM)	2016 (RM)	JUMLAH	
				(RM)	%
PENURUNAN					
5.	Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai	17,702,826	18,384,088	(681,262)	(3.7)
6.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja & Yang DiPertua-Yang DiPertua Negeri	724,275	794,013	(69,738)	(8.8)
7.	Kumpulan Wang Warisan	9,757,187	10,929,352	(1,172,165)	(10.7)
8.	Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia	846,468	1,030,663	(184,195)	(17.9)
9.	Kumpulan Wang Amanah Negara	2,027,544,000	3,032,691,000	(1,005,147,000)	(33.1)
10.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	14,077,415	48,481,151	(34,403,736)	(71.0)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- iv. Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan mencatatkan peratus peningkatan tunai dan kesetaraan tunai tertinggi sebanyak 234.3% disebabkan oleh peningkatan jumlah tunai di bank. Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo sebanyak 99.7% disebabkan oleh peningkatan tunai di bank manakala Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi mencatatkan peningkatan sebanyak 34.2% disebabkan oleh peningkatan dalam simpanan tetap sejumlah RM2.03 juta. Kumpulan Wang Amanah Negara mengalami peratus penurunan tunai dan kesetaraan tunai tertinggi sebanyak 33.1% disebabkan oleh pengurangan baki tunai di bank sejumlah RM102,824 dan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan sejumlah RM902,323. Tunai dan kesetaraan tunai bagi Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia mengalami penurunan sebanyak 17.9% disebabkan oleh pengurangan deposit di bank-bank perdagangan sejumlah RM181,000.


6.10 Analisis Liabiliti

6.10.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Liabiliti semasa dan bukan semasa Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf, pembiutang, deposit dan pendahuluan.
- ii. Pada tahun 2016, liabiliti bagi 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 Kementerian telah mengalami peningkatan sejumlah RM5.505 bilion atau 4% daripada RM138.509 bilion pada tahun 2015 kepada RM144.014 bilion pada tahun 2016.
- iii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM54.815 bilion. Ini diikuti oleh Kementerian Kewangan berjumlah RM35.040 bilion, Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM16.390 bilion, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM11.271 bilion.

Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mempunyai liabiliti berjumlah RM26.498 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.47.**

CARTA 6.47
LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- iv. Analisis Audit terhadap jumlah liabiliti Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapat 13 kementerian mencatatkan peningkatan jumlah liabiliti manakala 10 kementerian menunjukkan penurunan jumlah liabiliti pada tahun 2016. Lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi liabiliti tahun 2016 berbanding tahun 2015 seperti **Jadual 6.24**, **Carta 6.48** dan **Carta 6.49**.

JADUAL 6.24
PENINGKATAN DAN PENURUNAN LIABILITI TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	273.92	893.60	619.68	226.2
2.	Pertahanan	894.51	1,240.91	346.40	38.7
3.	Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	220.49	304.56	84.07	38.1
4.	Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	1,923.33	2,496.83	573.50	29.8
5.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	884.37	1,137.88	253.51	28.7
PENURUNAN					
6.	Kesihatan	21.35	10.90	(10.45)	(48.9)
7.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	173.13	128.04	(45.09)	(26.0)
8.	Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	2,859.82	2,327.79	(532.03)	(18.6)
9.	Kewangan	39,524.54	35,040.01	(4,484.53)	(11.4)
10.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	125.02	11.96	(8.06)	(6.5)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.48
PENINGKATAN LIABILITI TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


CARTA 6.49
PENURUNAN LIABILITI TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Analisis Audit mendapati Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional telah mencatatkan liabiliti tertinggi berjumlah RM43.342 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Bank Simpanan Nasional berjumlah RM27.403 bilion, Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM11.149 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM9.929 bilion. Badan Berkunun Persekutuan lain mencatatkan liabiliti berjumlah RM52.191 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.50**.

CARTA 6.50
JUMLAH LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- vi. Analisis selanjutnya mendapati 63 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan jumlah liabiliti manakala 63 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan jumlah liabiliti pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi liabiliti tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.25**, **Carta 6.51** dan **Carta 6.52**.

JADUAL 6.25
PENINGKATAN DAN PENURUNAN LIABILITI TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Lembaga Pertanian Kemajuan Kemubu	7.42	177.92	170.50	2,297.8
2.	Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara	0.95	11.27	10.32	1,086.3
3.	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia	0.36	3.36	3.00	833.3
4.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia	0.02	0.15	0.13	650.0
5.	Suruhanjaya Persaingan Malaysia	0.13	0.74	0.61	469.2
PENURUNGAN					
6.	Lembaga Totalisator Malaysia	13.56	2.29	(11.27)	(83.1)
7.	Suruhanjaya Integriti Agenzia Pengukuasaan	0.10	0.03	(0.07)	(70.0)
8.	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera	47.28	15.79	(31.49)	(66.6)
9.	Lembaga Koko Malaysia	9.84	4.29	(5.55)	(56.4)
10.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	180.34	83.08	(97.26)	(53.9)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.51
PENINGKATAN LIABILITI TERTINGGI BAGI LIMA (5)
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.52
PENURUNAN LIABILITI TERTINGGI BAGI LIMA (5)
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- vii. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu mencatatkan peratus peningkatan liabiliti tertinggi sebanyak 2,297.8% disebabkan oleh Geran Pembangunan dan Khas telah diklasifikasikan sebagai Liabiliti Semasa berikutan pemakaian piawaian perakaunan MPSAS dan peruntukan manfaat kakitangan berjumlah RM1.55 juta pada tahun 2016 manakala Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 1,086.3% disebabkan oleh penerimaan Geran Pembangunan Naik Taraf Galeri Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara berjumlah RM8.50 juta dan kenaikan amaun pelbagai pembiutang dan cagaran deposit sejumlah RM9.55 juta. Lembaga Totalisator Malaysia mengalami peratus penurunan liabiliti tertinggi sebanyak 83.1% disebabkan oleh penurunan amaun pelbagai pembiutang dan perbelanjaan terakru berjumlah

RM11.27 juta manakala Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan mengalami penurunan sebanyak 70% disebabkan oleh pelbagai pemutang berkurang sejumlah RM73,760.

6.10.2 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah

- i. Pada tahun 2016, liabiliti bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah berjumlah RM1.044 bilion iaitu menurun sejumlah RM8.43 juta atau 0.8% berbanding RM1.053 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM907.79 juta dan diikuti oleh Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Labuan berjumlah RM107.98 juta. Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah lain mencatatkan pendapatan berjumlah RM28.63 juta.
- iii. Analisis Audit mendapati tujuh (7) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah mencatatkan peningkatan bagi liabiliti tahun 2016 berbanding tahun 2015. Sebanyak dua (2) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah menunjukkan penurunan pada tahun 2016 manakala tiada liabiliti ditanggung oleh Tabung Pencen Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya dan British Borneo pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 6.26**.

JADUAL 6.26
PENINGKATAN DAN PENURUNAN LIABILITI KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH PADA TAHUN 2016

BIL	KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi	0.08	1.41	1.33	1,662.5
2.	Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan	4.66	11.14	6.48	139.1
3.	Kumpulan Wang Amanah Negara	7.72	11.27	3.55	46.0
4.	Akaun Kebajikan Bank Negara Malaysia	2.35	2.75	0.40	17.0
5.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-raja & Yang DiPertua - Yang DiPertua Negeri	0.19	0.21	0.02	10.5
6.	Kumpulan Wang Jubli Perak Pulau Pinang dan Seberang Perai	0.99	1.09	0.10	10.1
7.	Kumpulan Wang Warisan	0.74	0.74	-	0.1
PENURUNAN					
8.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	110.36	107.98	(2.38)	(2.2)
9.	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	925.73	907.79	(17.94)	(1.9)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

Nota: Liabiliti Kumpulan Wang Warisan pada tahun 2016 berjumlah RM744,447 meningkat sejumlah RM585 atau 0.1% berbanding RM743,862 pada tahun 2015.

- iv. Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi mencatatkan peratus peningkatan liabiliti tertinggi sebanyak 1,662.5% disebabkan oleh Pendaftaran Baharu Perakuan Pendaftaran dan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran telah diterima setakat 31 Disember 2016 adalah bagi tempoh


dua (2) tahun di mana bayaran pendaftaran untuk tahun berikutnya diiktiraf sebagai pendapatan terdahulu manakala Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan mencatatkan peratus peningkatan sebanyak 139.1% disebabkan oleh peningkatan Wang Tahanan sejumlah RM4.84 juta termasuk dalam nilai pemutang. Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan mengalami peratus penurunan liabiliti tertinggi sebanyak 2.2% disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman kakitangan yang tempoh akhir pembayaran adalah pada tahun 2015 manakala Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia mengalami penurunan sebanyak 1.9% disebabkan oleh perbelanjaan cukai tahun semasa tidak direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

6.11 Analisis Pinjaman

6.11.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Pada tahun 2016, baki pinjaman bagi 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 13 kementerian adalah berjumlah RM54.289 bilion iaitu meningkat sejumlah RM6.109 bilion atau 12.7% berbanding RM48.180 bilion pada tahun 2015.
- ii. Analisis Audit mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM40.581 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM7.063 bilion, Kementerian Pengangkutan berjumlah RM4.224 bilion dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berjumlah RM0.932 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mempunyai liabiliti berjumlah RM1.490 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.53**.

CARTA 6.53
**PINJAMAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN
PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- iii. Analisis Audit terhadap jumlah pinjaman Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati lapan (8) kementerian mencatatkan peningkatan jumlah pinjaman, lima (5) kementerian menunjukkan penurunan jumlah pinjaman dan 10 kementerian tidak mempunyai sebarang pinjaman pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi pinjaman tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.27, Carta 6.54 dan Carta 6.55**.

JADUAL 6.27
**PENINGKATAN DAN PENURUNAN PINJAMAN TERTINGGI BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Pertahanan	37.025	105.84	68.81	185.9
2.	Kewangan	60.40	88.315	27.91	46.2
3.	Pendidikan Tinggi	35,354.90	40,581.37	5,226.47	14.8
4.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	812.82	931.65	118.83	14.7
5.	Jabatan Perdana Menteri	6,312.15	7,062.57	750.42	11.9
PENURUNAN					
6.	Pendidikan	65.21	35.52	(29.69)	(45.5)
7.	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	356.40	296.37	(60.03)	(16.9)
8.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	0.40	0.37	(0.03)	(6.5)
9.	Pengangkutan	4,230.65	4,223.60	(7.05)	(0.2)
10.	Kerja Raya	771.48	771.38	(0.10)	(0.0)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.54
PENINGKATAN PINJAMAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


CARTA 6.55
PERATUS PENURUNAN PINJAMAN TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- iv. Analisis Audit mendapati Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional telah mencatatkan baki pinjaman tertinggi berjumlah RM40.350 bilion pada tahun 2016. Ini diikuti oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM6.820 bilion, Lembaga Pelabuhan Kelang berjumlah RM3.804 bilion, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia berjumlah RM0.932 bilion. Badan Berkanun Persekutuan lain mencatatkan baki pinjaman berjumlah RM2.384 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.56**.

CARTA 6.56
BAKI PINJAMAN OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016


- v. Analisis Audit terhadap baki pinjaman Badan Berkanun Persekutuan mendapati 13 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan baki pinjaman, 12 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan baki pinjaman dan 101 Badan Berkanun Persekutuan tidak mempunyai sebarang pinjaman pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi baki pinjaman tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.28, Carta 6.57 dan Carta 6.58**.

JADUAL 6.28
PENINGKATAN DAN PENURUNAN BAKI PINJAMAN TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015	2016	JUMLAH	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Perbadanan Perwira Niaga Malaysia	37.03	105.84	68.81	185.8
2.	Perbadanan PR1MA Malaysia	100.37	204.44	104.07	103.7
3.	Bank Simpanan Nasional	31.24	51.36	20.12	64.4
4.	Universiti Teknologi Malaysia	154.90	231.37	76.47	49.4
5.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	35,200.00	40,350.00	5,150.00	14.6
PENURUNAN					
6.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	16.41	0.00	(16.41)	(100.0)
7.	Dewan Bahasa dan Pustaka	65.21	35.52	(29.69)	(45.5)
8.	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat	2.38	1.33	(1.05)	(44.1)
9.	Lembaga Penilai, Pentaksir Dan Ejen Hartanah Malaysia	4.25	3.20	(1.05)	(24.7)
10.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan	8.50	7.00	(1.50)	(17.6)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.57
PENINGKATAN BAKI PINJAMAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.58
PENURUNAN BAKI PINJAMAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Perbadanan Perwira Niaga Malaysia mencatatkan peratus peningkatan baki pinjaman tertinggi sebanyak 185.8% disebabkan oleh pertambahan overdraf bank berjumlah RM21.74 juta dan peningkatan penerimaan bank serta kredit pusingan masing-masing sejumlah RM17 juta dan RM21.18 juta. Perbadanan PR1MA Malaysia mencatatkan peratus peningkatan baki pinjaman kedua tertinggi sebanyak 103.7% disebabkan oleh penyusunan semula perjanjian kemudahan pembiayaan pinjaman bank dengan jumlah pembiayaan yang baru sejumlah RM2.500 bilion untuk 35 projek yang sedang dalam pembinaan. Baki pinjaman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada tahun 2016 berbaki sifar disebabkan


oleh kesemua pinjaman berjangka telah selesai dibayar. Pinjaman bagi Dewan Bahasa dan Pustaka menurun sebanyak 45.5% disebabkan oleh pembayaran hutang sewa bangunan.

6.12 Analisis Liabiliti Luar Jangka

6.12.1 Badan Berkanun Persekutuan

- i. Liabiliti luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku peristiwa masa hadapan dan di luar kawalan agensi atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak dijangka.
- ii. Pada tahun 2016, 24 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 11 kementerian mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM760.98 juta iaitu meningkat sejumlah RM149.68 juta atau 24.5% berbanding RM611.30 juta pada tahun 2015.
- iii. Analisis Audit mendapati Jabatan Perdana Menteri mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi berjumlah RM434.12 juta. Ini diikuti oleh Kementerian Pertahanan berjumlah RM90.57 juta, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM70.93 juta dan Kementerian Pendidikan Tinggi berjumlah RM63.85 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM101.51 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.59**.

CARTA 6.59
**LIABILITI LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT
KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- iv. Analisis Audit terhadap jumlah liabiliti luar jangka Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian mendapati lima (5) kementerian mencatatkan peningkatan jumlah liabiliti luar jangka, empat (4) kementerian menunjukkan penurunan jumlah liabiliti luar jangka dan


dua (2) kementerian tidak menunjukkan perubahan jumlah liabiliti luar jangka pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati empat (4) kementerian mencatatkan peratus peningkatan dan tiga (3) kementerian mencatatkan peratus penurunan tertinggi bagi liabiliti luar jangka bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.29, Carta 6.60 dan Carta 6.61**.

JADUAL 6.29
PENINGKATAN DAN PENURUNAN LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016

BIL	KEMENTERIAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	13.99	70.93	56.94	407
2.	Sumber Manusia	0.29	0.79	0.50	172.4
3.	Jabatan Perdana Menteri	323.26	434.12	110.86	34.3
4.	Pengangkutan	32.25	32.80	0.55	1.7
PENURUNAN					
5.	Perusahaan, Perladangan dan Komoditi	0.13	0.08	(0.05)	(38.5)
6.	Kewangan	1.52	1.16	(0.36)	(23.7)
7.	Pertanian dan Industri Asas Tani	17.60	17.37	(0.23)	(1.3)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.60
PENINGKATAN LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


CARTA 6.61
PENURUNAN LIABILITI LUAR JANGKA TERTINGGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- v. Analisis Audit mendapati Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi berjumlah RM303.53 juta. Ini diikuti oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar berjumlah RM130.53 juta, Perbadanan Perwira Harta Malaysia berjumlah RM90.22 juta dan Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM70.93 juta. Badan Berkanun Persekutuan lain mempunyai liabiliti luar jangka tertinggi berjumlah RM165.77 juta. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.62**.

CARTA 6.62
LIABILITI LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- vi. **Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat**

Liabiliti luar jangka bagi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) merupakan tuntutan kerugian oleh kontraktor terhadap SPAD dan MRT Corporation kerana melanggar perjanjian jajaran MRT antara kontraktor dan MRT Corporation. Kontraktor mendakwa SPAD telah mendorong MRT Corporation melanggar perjanjian dengan mencadangkan pertukaran jajaran MRT melalui Bandar Malaysia.

vii. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar

Liabiliti luar jangka bagi Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar adalah berkaitan dakwaan kontraktor mengenai Pelarasan Harga Kontrak yang dibuat menyebabkan kerugian sejumlah RM130.53 juta berbanding harga kontrak asal.


viii. Perbadanan Perwira Harta Malaysia

Liabiliti luar jangka bagi Perbadanan Perwira Harta Malaysia adalah berkaitan jaminan bank untuk Projek Perpindahan Kemudahan Pangkalan Udara Kem Sungai Besi Kuala Lumpur dan Projek Pembangunan Taman LTAT di atas lot PT5321, PT5322 dan PT5323 Bukit Jalil, Mukim Petaling, Kuala Lumpur.

6.13 Prestasi Penggunaan Geran Pembangunan**6.13.1 Badan Berkanun Persekutuan**

- i. Panduan Kepada Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun yang dikeluarkan oleh Kastam Diraja Malaysia pada 10 November 2014 menyatakan bahawa layanan (*treatment*) terhadap Cukai Barang dan perkhidmatan (GST) terhadap geran kerajaan dan subsidi adalah sama ada dalam kategori di luar skop GST ataupun dianggap sebagai *non-supplies* yang tidak tertakluk kepada GST.
- ii. Pada tahun 2016, sebanyak 66 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 19 kementerian menerima geran pembangunan berjumlah RM9.462 bilion iaitu meningkat sejumlah 6.7% atau RM0.590 bilion berbanding tahun 2015 berjumlah RM8.872 bilion.
- iii. Analisis Audit terhadap penerimaan geran pembangunan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati Jabatan Perdana Menteri mencatatkan penerimaan tertinggi berjumlah RM3.174 bilion. Ini diikuti oleh Kementerian Kerja Raya berjumlah RM2.059 bilion, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjumlah RM1.129 bilion, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM0.794 bilion dan kementerian lain mencatatkan penerimaan geran pembangunan berjumlah RM2.306 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.63**.

CARTA 6.63
PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016




Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- iv. Analisis Audit terhadap penerimaan geran pembangunan bagi empat (4) Kementerian yang menerima geran pembangunan tertinggi Badan Berkanun Persekutuan adalah seperti berikut:

a. **Jabatan Perdana Menteri**

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri antaranya adalah untuk pembangunan wilayah ekonomi pantai timur, utara dan selatan serta pembangunan perumahan berkualiti tinggi bagi penduduk bandar berpendapatan sederhana. Pada tahun 2016, tujuh (7) daripada 12 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah menerima geran pembangunan berjumlah RM3.174 bilion berbanding RM2.414 bilion pada tahun 2015. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2016 adalah berjumlah RM6.499 bilion iaitu meningkat sejumrah RM2.243 bilion atau 52.7% berbanding RM4.256 bilion pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.64**.

CARTA 6.64
PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN BAGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI
PADA TAHUN 2016 DAN 2015



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

b. Kementerian Kerja Raya

Pada tahun 2016, hanya Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) yang menerima geran pembangunan daripada kementerian untuk melaksanakan projek pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya antara bandar. Geran pembangunan yang diterima pada tahun 2016 adalah berjumlah RM2.059 bilion iaitu meningkat sejumrah RM0.770 bilion atau 59.8% berbanding RM1.289 bilion pada tahun 2015. Baki geran pembangunan LLM pada tahun 2016 adalah berjumlah RM1.171 bilion iaitu meningkat sejumrah RM0.191 bilion atau 19.5% berbanding RM0.980 bilion pada tahun 2015.


c. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Pada tahun 2016, hanya Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang menerima geran pembangunan daripada kementerian untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif dan lestari. Geran pembangunan yang diterima pada tahun 2016 adalah berjumlah RM1.129 bilion iaitu menurun sejumrah RM0.632 bilion atau 35.9% berbanding RM1.761 bilion yang diterima pada tahun 2015. Baki geran pembangunan bagi SWCorp pada tahun 2016 adalah berjumlah RM27.94 juta iaitu menurun sejumrah RM319.38 juta atau 92% berbanding RM347.32 juta pada tahun 2015.

d. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Pemberian geran pembangunan kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah antaranya adalah untuk membasmi kemiskinan, membangunkan ekonomi, menyusun semula masyarakat, memastikan pengagihan seimbang dan peluang bagi menjana pendapatan, pekerjaan, perniagaan dan pendidikan ke kawasan luar bandar. Pada tahun 2016, empat (4) daripada lima (5) Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menerima geran pembangunan berjumlah RM0.794 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.102 bilion atau 14.8% berbanding RM0.692 bilion pada tahun 2015. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada tahun 2016 adalah berjumlah RM11.342 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.276 bilion atau 2.5% berbanding RM11.066 bilion pada tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.65**.

CARTA 6.65
**PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN BAGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DI BAWAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
PADA TAHUN 2016 DAN 2015**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


- v. Analisis Audit terhadap penerimaan geran pembangunan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian mendapati 10 kementerian mencatatkan peningkatan penerimaan geran, sembilan (9) kementerian menunjukkan penurunan penerimaan geran pembangunan dan empat (4) kementerian tidak menerima sebarang geran pembangunan pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) kementerian masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi penerimaan geran pembangunan tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.30, Carta 6.66 dan Carta 6.67**.

JADUAL 6.30
**PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI
 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN PADA TAHUN 2016**

BIL	KEMENTERIAN	2015	2016	JUMLAH	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PENINGKATAN					
1.	Komunikasi dan Multimedia	4.94	19.82	14.88	301.2
2.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	229.96	670.31	440.35	191.5
3.	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	1.20	2.20	1.00	83.3
4.	Pengangkutan	28.84	47.50	18.66	64.7
5.	Kerja Raya	1,288.74	2,058.65	769.91	59.7
PENURUNAN					
6.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	19.49	5.30	(14.19)	(72.8)
7.	Pelancongan dan Kebudayaan	36.97	12.59	(24.38)	(65.9)
8.	Pendidikan Tinggi	1,484.17	700.90	(783.27)	(52.8)
9.	Wilayah Persekutuan	109.77	55.14	(54.63)	(49.8)
10.	Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,760.68	1,129.50	(631.18)	(35.8)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.66
**PENINGKATAN PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI
 BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN
 PADA TAHUN 2015 DAN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016


CARTA 6.67
**PENURUNAN PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI LIMA (5) KEMENTERIAN
PADA TAHUN 2015 DAN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

- vi. Analisis Audit terhadap penerimaan geran pembangunan Badan Berkanun Persekutuan mendapati Lembaga Lebuhraya Malaysia mencatatkan penerimaan tertinggi berjumlah RM2.059 bilion. Ini diikuti oleh Perbadanan PR1MA Malaysia berjumlah RM1.620 bilion, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam berjumlah RM1.129 bilion, Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur berjumlah RM0.969 bilion dan Badan Berkanun Persekutuan lain mencatatkan penerimaan geran pembangunan berjumlah RM3.685 bilion. Butiran lanjut adalah seperti **Carta 6.68**.

CARTA 6.68
**PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
PADA TAHUN 2016**



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- vii. Analisis Audit selanjutnya mendapati 30 Badan Berkanun Persekutuan mencatatkan peningkatan penerimaan geran pembangunan, 36 Badan Berkanun Persekutuan menunjukkan penurunan penerimaan geran pembangunan dan 60


Badan Berkanun Persekutuan tidak menerima sebarang geran pembangunan pada tahun 2016. Sebanyak lima (5) Badan Berkanun Persekutuan masing-masing mencatatkan peratus peningkatan dan penurunan tertinggi bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti **Jadual 6.31**, **Carta 6.69** dan **Carta 6.70**.

JADUAL 6.31
PENINGKATAN DAN PENURUNAN PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI
BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2016

BIL	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	JUMLAH	
		(RM Juta)	(%)		
PENINGKATAN					
1.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	31.21	322.25	291.04	932.5
2.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia	4.94	19.82	14.88	301.2
3.	Perbadanan Stadium Malaysia	1.25	4.69	3.44	275.2
4.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	7.70	25.00	17.30	224.7
5.	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan	2.47	7.59	5.12	207.3
PENURUNGAN					
6.	Universiti Malaysia Sabah	94.00	5.00	(89.00)	(94.7)
7.	Universiti Malaysia Perlis	129.03	7.00	(122.03)	(94.6)
8.	Universiti Teknologi MARA	97.83	14.08	(83.75)	(85.6)
9.	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	34.50	5.00	(29.50)	(85.5)
10	Pusat Perubatan Universiti Malaya	70.00	13.00	(57.00)	(81.4)


Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.69
PENINGKATAN PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI BAGI
LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2015 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 dan 2016

CARTA 6.70
PENURUNAN PENERIMAAN GERAN PEMBANGUNAN TERTINGGI BAGI LIMA (5) BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2015 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016

- viii. Merujuk **Jadual 6.31**, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara mencatatkan peratus peningkatan penerimaan geran pembangunan tertinggi disebabkan oleh penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun semasa berjumlah RM322.25 juta berbanding RM31.21 juta pada tahun 2015. Ini diikuti oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia disebabkan oleh projek pembangunan RMKe-10 dan RMKe-11 antaranya projek pembangunan Sistem BTV berjumlah RM15.64 juta, pengubahsuaian Wisma Bernama berjumlah RM1.80 juta dan RM1.50 juta bagi menambah baik Sistem Editorial BERNAMA.

RUMUSAN DAN SYOR AUDIT



RUMUSAN

1. Secara keseluruhannya:

1.1 Sebanyak 126 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 12 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matters*, empat (4) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan dan dua (2) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 September 2017 kerana kelewatan mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang dikemukakan kepada pihak Audit tidak lengkap.

1.2 Sebanyak 78 agensi masih menggunakan *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS), 22 agensi menggunakan *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS)/*Financial Reporting Standards* (FRS) dan 45 agensi telah menggunakan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS).

1.3 Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah pada tahun 2016:

- Pendapatan 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM109.232 bilion iaitu meningkat sejumlah RM7.063 bilion atau 6.9% berbanding RM102.169 bilion pada tahun 2015. Pendapatan sembilan (9) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM1.153 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.839 bilion atau 42.1% berbanding RM1.992 bilion pada tahun 2015.
- Geran mengurus yang diterima oleh 80 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 21 kementerian adalah berjumlah RM13.536 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.604 bilion atau 4.3% berbanding RM14.140 bilion pada tahun 2015.
- Sebanyak 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian mencatatkan baki lebih pendapatan berjumlah RM46.413 bilion berbanding RM42.386 bilion pada tahun 2015. Lebih/(kurangan) pendapatan 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM330.47 juta iaitu penurunan sejumlah RM4.30 juta berbanding RM334.77 juta pada tahun 2015.
- Sebanyak 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian mencatatkan baki Lebih/(Kurangan) Terkumpul berjumlah

RM129.419 bilion berbanding RM128.909 bilion pada tahun 2015. Lebihan/(kurangan) terkumpul ini merupakan baki Kumpulan Wang Mengurus. Lebihan Terkumpul 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM7.907 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.977 bilion atau 14.1% berbanding RM6.930 bilion pada tahun 2015.

- Aset 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM1,742.159 bilion mencatatkan peningkatan sejumlah RM129.307 bilion atau 8% berbanding RM1,612.852 bilion pada tahun 2015. Aset bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM20.889 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.159 bilion atau 5.9% berbanding RM19.730 bilion pada tahun 2015.
- Pelaburan bagi 79 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 18 kementerian adalah berjumlah RM453.219 bilion atau 26.8% daripada jumlah keseluruhan aset iaitu meningkat sejumlah RM16.817 bilion atau 3.9% berbanding RM436.402 bilion pada tahun 2015. Hanya empat (4) Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah yang mempunyai pelaburan berjumlah RM14.139 bilion iaitu meningkat sejumlah RM1.972 bilion atau 16.2% berbanding RM12.167 bilion pada tahun 2015.
- Jumlah tunai dan kesetaraan tunai bagi 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 kementerian adalah berjumlah RM70.654 bilion atau 4% daripada jumlah keseluruhan aset iaitu meningkat sejumlah RM7.924 bilion atau 12.6% berbanding RM62.730 bilion pada tahun 2015. Jumlah tunai dan kesetaraan tunai bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM3.384 bilion iaitu menurun sejumlah RM0.782 bilion atau 18.8% berbanding RM4.166 bilion pada tahun 2015.
- Liabiliti bagi 126 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 23 Kementerian telah mengalami peningkatan sejumlah RM5.505 bilion atau 4% daripada RM138.509 bilion pada tahun 2015 kepada RM144.014 bilion pada tahun 2016. Liabiliti bagi 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah adalah berjumlah RM1.044 bilion iaitu menurun sejumlah RM8.43 juta atau 0.8% berbanding RM1.053 bilion pada tahun 2015.
- Baki pinjaman bagi 25 Badan Berkanun Persekutuan di bawah 13 kementerian adalah berjumlah RM54.289 bilion iaitu meningkat sejumlah RM6.109 bilion atau 12.7% berbanding RM48.180 bilion pada tahun 2015.
- Sebanyak 24 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai liabiliti luar jangka berjumlah RM760.98 juta iaitu meningkat sejumlah RM149.68 juta atau 24.5% berbanding RM611.30 juta pada tahun 2015.

- Sebanyak 66 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran pembangunan berjumlah RM9.462 bilion iaitu meningkat sejumlah 6.7% atau RM0.590 bilion berbanding tahun 2015 berjumlah RM8.872 bilion.

SYOR AUDIT

2. Pihak Audit mengesyorkan:

- 2.1** Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain memastikan Penyata Kewangan dikemukakan mengikut tempoh ditetapkan dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- 2.2** Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain memastikan penyediaan Penyata Kewangan selaras dengan Piawaian Perakaunan yang berkuat kuasa.
- 2.3** Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.
- 2.4** Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran bagi tujuan yang ditetapkan.
- 2.5** Kementerian hendaklah memastikan kewujudan agensi baru mematuhi ketetapan Akta Tubuh/Akta 240 berkaitan penyediaan dan pengemukaan Penyata Kewangan Tahunan untuk pengauditan oleh Ketua Audit Negara tanpa kelewatan.

PENUTUP



1. Pada keseluruhannya sebanyak 139 Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan/Akaun Amanah dan agensi lain telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2016 sebelum 30 April 2017, lima (5) Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 April 2017 tetapi sebelum 30 Jun 2017 dan satu (1) Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2017. Kesemua Badan Berkanun Persekutuan telah mematuhi 1Pekeliling Perbendaharaan PA3.1 yang memerlukan penyata kewangan yang disediakan mengikut piawaian perakaunan *Financial Reporting Standard* (FRS)/*Malaysian Financial Reporting Standard* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) dan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) yang dikeluarkan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
2. Pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2017 terhadap 145 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain bagi tahun kewangan 2016 mendapat 126 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, 12 diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matters*, empat (4) diberi Pendapat Berteguran, satu (1) diberi Pendapat Bertentangan dan dua (2) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 September 2017. Selain itu, tiga (3) Penyata Kewangan tahun 2015 yang tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2015 kerana lewat dikemukakan, telah dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara pada bulan September dan Oktober 2016. Badan Berkanun Persekutuan tersebut, iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah masing-masing telah diberi Pendapat Bertentangan, Pendapat Berteguran dan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis Of Matters*.
3. Sehubungan itu, Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan agensi lain memastikan Penyata Kewangan dikemukakan mengikut tempoh ditetapkan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan selaras dengan Piawaian Perakaunan yang berkuat kuasa.
4. Selain itu, Kementerian hendaklah memastikan kewujudan agensi baru mematuhi ketetapan Akta Tubuh/Akta 240 berkaitan penyediaan dan pengemukaan Penyata Kewangan Tahunan untuk pengauditan oleh Ketua Audit Negara tanpa kelewatan.

LAMPIRAN A

Senarai Badan Berkanun Persekutuan,
Kumpulan Wang Persekutuan,
Akaun Amanah dan Agensi Lain

LAMPIRAN A

Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan,
Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain

**SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN,
KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN, AKAUN AMANAH DAN AGENSI LAIN**

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT	
		2015	2016
A	JABATAN PERDANA MENTERI		
1	AGENSI INOVASI MALAYSIA (AIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
2	LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
3	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)	EOM	EOM
4	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
5	MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
6	MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
7	PERBADANAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA (PR1MA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
8	PIHK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
9	PIHK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
10	SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
11	SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
12	SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (SPAD)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
B	KEMENTERIAN KEWANGAN		
13	BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
14	BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
15	INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (MIA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
16	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) (KWAP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
17	KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
18	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
19	LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
20	LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)	-	EOM
21	LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTANAH MALAYSIA (LPPEH)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
22	LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN (LABUAN FSA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
23	LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (LTM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
24	PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
25	YAYASAN TUN RAZAK (YTR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
C	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI		
26	LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
27	LEMBAGA KENAF DAN TEMBAKAU NEGARA (LKTN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
28	LEMBAGA KOKO MALAYSIA (KOKO)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
29	LEMBAGA LADA MALAYSIA (MPB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
30	LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
31	LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
32	LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG (WAKAF HINDU)	BERTEGURAN	BERTEGURAN
33	LGM PROPERTIES CORPORATION (LGMP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
D	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI		
34	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
35	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)	BERTEGURAN	EOM

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT	
		2015	2016
36	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
37	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
38	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)	BERTEGURAN	TANPA TEGURAN
39	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
40	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
41	YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG MADA (YP MADA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
E	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH		
42	MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
43	LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)	TANPA TEGURAN	BERTEGURAN
44	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
45	LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)	BERTEGURAN	BERTEGURAN
46	LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
47	PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)	EOM	EOM
48	YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
F	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR		
49	LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA (BoG)	-	-
50	LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH (TIMAH)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
51	LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (JURUKUR)	TANPA TEGURAN	EOM
52	LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
G	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI		
53	LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
54	PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
55	PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
56	PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
H	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN		
57	MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
58	PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
59	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
60	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
61	SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
I	KEMENTERIAN KERJA RAYA		
62	LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA (LAM)	-	TANPA TEGURAN
63	LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM)	-	TANPA TEGURAN
64	LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)	-	TANPA TEGURAN
65	LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
66	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
J	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN		
67	INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA (MIROS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN

LAMPIRAN A

Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan,
Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT	
		2015	2016
68	LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (LP BINTULU)	TANPA TEGURAN	-
69	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LP JOHOR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
70	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJUNG PELEPAS (LP JOHOR – TG. PELEPAS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
71	LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)	EOM	EOM
72	LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (LP KEMAMAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
73	LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (LP KUANTAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
74	LEMBAGA PELABUHAN MELAKA (LPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
75	PERBADANAN ASET KERETAPI (PAK)	BERTEGURAN	EOM
76	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
77	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA (SPPP - TELUK EWA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
78	SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA (MAVCOM)	-	TANPA TEGURAN
K	KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR		
79	PIHK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI MALAYSIA (SEDA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
80	SURUHANJAYA TENAGA (ST)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
81	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
L	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI		
82	AKADEMI SAINS MALAYSIA (ASM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
M	KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN		
83	AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
84	LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (LPSVN)	TANPA TEGURAN	EOM
85	LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (LPPM)	EOM	EOM
86	PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA (KRAFTANGAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
N	KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN		
87	PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
88	PERBADANAN LABUAN (PL)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
89	PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU (PKB)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
90	MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN (MSWP)	EOM	TANPA TEGURAN
O	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI		
91	AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
92	PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (PPUM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
93	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
94	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
95	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
96	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
97	UNIVERSITI MALAYA (UM)	TANPA TEGURAN	EOM
98	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
99	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
100	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)	EOM	TANPA TEGURAN
101	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN		JENIS PENDAPAT AUDIT	
		2015	2016
102	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
103	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
104	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
105	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
106	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
107	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
108	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
109	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
110	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
111	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
112	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
113	YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (YTAR)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
P	KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
114	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
115	KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (KWSG)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
116	MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
Q	KEMENTERIAN KESIHATAN		
117	LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (MySihat)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
118	PIHK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (PBPP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
R	KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN		
119	PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCOP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
S	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN		
120	MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA (MSN)	BERTEGURAN	BERTEGURAN
121	INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IPPBM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
122	INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
123	PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
124	PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG (PPGS)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
T	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA		
125	PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
126	PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)	EOM	EOM
U	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA		
127	PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
128	PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)	BERTENTANGAN	BERTENTANGAN
V	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT		
129	LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
W	KEMENTERIAN PERTAHANAN		
130	LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
131	PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (PERNAMA)	TANPA TEGURAN	EOM
132	PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (PPHM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
133	PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN

LAMPIRAN A

Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan,
Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain

KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN DAN AKAUN AMANAH		JENIS PENDAPAT AUDIT	
		2015	2016
134	AKAUN KEBAJIKAN BANK NEGARA MALAYSIA (SWA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
135	KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (KWPDP)	EOM	TANPA TEGURAN
136	KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN (KWSMP)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
137	KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (KWAN)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
138	KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN SEBERANG PERAI (JUBLI PERAK)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
139	KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA & YANG DIPERTUA –YANG DIPERTUA NEGERI (BIASISWA RAJA-RAJA)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
140	KUMPULAN WANG WARISAN	-	TANPA TEGURAN
141	TABUNG PENCEN LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA DAN BRITISH BORNEO (TPLM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
142	YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YPEIM)	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
143	TABUNG KEBAJIKAN KAKITANGAN LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
AGENSI LAIN			
144	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (BANK RAKYAT) DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA KOPERASI 1993	TANPA TEGURAN	TANPA TEGURAN
145	DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL) DIDAFTARKAN DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976	EOM	TANPA TEGURAN

Nota: EOM- Emphasis of Matters



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.

| Tel : +603 8889 9000

| Faks : +603 8888 9721